



UPM

akhbar *Yang dinamik, yang progresif* MAHASISWA

Universiti Pertanian Malaysia

TAHUN 5 BILANGAN 15

YANG INGIN MENGERTI... SEBUAH DERITA

JULAI/OGOS 1994



NC...matlamat ini harus dicapai dengan daya saing

BAHASA INGGERIS DEMI MATLAMAT

**NOR HAIRULNIZAM WAHID
BA. SC. BIOTEKNOLOGI**

Berucap kepada pelajar baru sewaktu minggu suaikenal baru-baru ini, Naib Canselor Universiti Pertanian Malaysia (UPM) Prof. Dato' Dr. Syed Jalaludin Syed Salim menegaskan tentang betapa pentingnya bahasa Inggeris di dalam perlumbaan mahasiswa menuju matlamat mereka atau lebih tepat lagi merealisasikan Wawasan 2020.

Menurut beliau, matlamat ini harus dicapai dengan meningkatkan daya saing agar dapat bersaing dengan negara-negara lain di dunia. "D a l a m meningkatkan daya saing negara, tidak dapat dinafikan tentang pentingnya bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan dalam hubungan antarabangsa khususnya dalam bidang

ekonomi, sains dan teknologi," ucap beliau. "Menyedari hakikat ini, kerajaan telah mengambil langkah untuk mengukuhkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar apabila kerajaan membuat dasar yang membenarkan sains dan teknologi diajar dalam bahasa Inggeris," tambahnya lagi. Beliau juga berharap agar pelajar UPM khususnya pelajar baru

bersikap positif di dalam mempelajari bahasa tersebut. "Di UPM, terdapat mata pelajaran sains dan teknologi yang diajar di dalam bahasa Inggeris. Saya meminta agar para pelajar bersikap positif dan bersemangat untuk belajar agar dapat fasih bukan sahaja dalam bahasa Malaysia tetapi juga dalam bahasa Inggeris," ujar beliau.

**MENARIK
DI DALAM**

Perutusan NC.....3

Remaja Harus Waspada.....7

Ke arah pendidikan cemerlang....7

Cerpen: Re-evolusi.....10

Masyarakat Cyberspace.....14

PENERANGAN UPM DI SABAH

Oleh: Azahari Johari

Perwakilan Mahasiswa Sabah Universiti Pertanian Malaysia (PMSUPM) telah mengadakan penerangan mengenai Universiti Pertanian Malaysia (UPM) di Daerah Semporna, Sabah pada 18hb. hingga 24hb Mei ini. Program ini bertujuan untuk memberi penerangan kepada masyarakat setempat, terutamanya golongan pelajar sekolah tentang UPM dan kursus-kursus yang ditawarkan di sini. Dengan usaha tersebut, PMSUPM berharap UPM dapat diketengahkan lagi di kalangan masyarakat, di

samping memberi pendedahan tentang universiti kepada remaja peringkat sekolah di samping meningkatkan motivasi mereka dalam bidang akademik. Menurut pengarah aktiviti, Ab. Hamis Salim, selain daripada penerangan tentang UPM, pelajar-pelajar dan ibu bapa juga akan diberi penerangan tentang bantuan dan sumber kewangan oleh pihak Kerajaan dan swasta. "Ini kerana ada setengah golongan m e n g a n g g a p menghantar anak belajar di universiti adalah di luar kemampuan dan mereka tidak mengetahui akan

peluang serta kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan mahupun pihak swasta bagi golongan seperti mereka." Program ini melibatkan 5 buah sekolah menengah di sekitar daerah Semporna iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Abdullah, SMK Bugaya, SMK Tagasan, SMK Kabogan dan SMK Bum-Bum. Ia melibatkan hampir 1000 orang pelajar sekolah merangkumi pelajar tingkatan tiga hingga tingkatan enam.

SEKADAR RENUNGAN



Hidup adalah pelayaran di samudera luas, di manakah penghujungnya?

as/M
1994
12

LIDAH PENGARANG

akhbar yang dinamik, yang progresif

MAHASISWA

Kata-kata seperti ini sering didengar, terutamanya sekali jika ditanyakan kepada kanak-kanak sekolah. Mungkin ada di antara kita pernah meluahkan hasrat sebegini suatu ketika dahulu. Lantaran ada yang berangan-angan untuk menjadi jurutera, doktor ataupun pensyarah dengan menggunakan 'lesen' dari universiti itu nanti. Begitu tinggi semangat dan cita-cita kita, ditambah dengan sokongan 'total' dari ibu bapa.

Akhirnya, seperti yang kita idam-idamkan (bagi yang berjaya menempuhi berbagai rintangan) cita-cita untuk menjejak menara gading tercapai jua. Kitalah orang yang paling gembira ketika itu. Semangat kita untuk belajar berkobar-kobar. Apa kata fasilitator dan pensyarah kita ikut. Semuanya untuk kebaikan, kata hati kita.

Malangnya, apabila kita sudah masak dengan suasana kampus, segala keinginan dan semangat yang kita punyai dahulu kini digantikan dengan keinginan lain yang kita sendiri tidak perasan.

Sebagai contoh, apabila wang dari biasiswa diterima kita pun mula naik 'syekh' untuk berbelanja sakan. SOGO, The Mall, Parkson Grand dan Lot 10 menjadi zikir kita setiap hari. Hingga lupa pembelajaran yang seharusnya kita bereskan. Ada juga yang memanfaatkannya untuk membeli motor baru untuk ditayang di depan teman-teman mereka, khususnya yang istimewa.

Cuba kita tanyakan kepada diri, ke mana hala tuju kita yang sebenarnya. Pun begitu ramai yang berkata jalan yang mereka pilih itu betul dan sesuai dengan cara hidup mereka. Kita sudah dewasa, begitu alasan yang diberi. Jiwa masing-masing sudah merdeka. Tak perlu segala kongkongan dan batasan.

Juga ada yang beranggapan, apabila berada di menara ini mereka bebas berbuat apa saja. Bebas bergaul, bebas bergerak dan bebas dalam apa sahaja yang mereka mahukan. Bersyukurlah, kerana anda telah berada di kampus ini dan menyedari tentang indahnya kebebasan itu di sini. Namun,

segala yang diperolehi itu bukan untuk disia-siakan. Seharusnya sebagai seorang mahasiswa yang unggul, kebebasan seperti ini perlu digunakan untuk merebut segala peluang yang terhidang.

Gunakan kesempatan yang ada ini untuk mempelajari segala bentuk pengetahuan yang tidak terdapat di kuliah. Kerana kehidupan di kampus bukan sekadar menikuti kuliah. Malahan lebih dari itu. Di sinilah kita akan belajar mengenai kepimpinan, penurusan, komunikasi dan seribu satu ketrampilan yang pastinya menajamkan bakat yang sedia ada. (Semua orang ada keistimewaan sendiri, gunakanlah!) Berhibur pun tidak salah, tapi biarlah berpada-pada!

Tanyakan kepada diri kita, dengan wajah apakah kita harus keluar nanti? Sesungguhnya, universiti ini adalah tempat untuk bersuka-suka.....dan boleh belajar.

KE MANA ARAH KITA?

"Cita-cita saya adalah untuk belajar di universiti."

SIDANG REDAKSI

Ketua Editor
Nor Hairulnizam Wahid

Ahli
Mazlah Awang
Sazali Abdul Hamid

Rekabentuk
Norhayati Amrose

Pemberita
Ahli Kelab Akhbar
Mahasiswa

Akhbar Mahasiswa
mengalukan
sumbangan berbentuk
berita, aktiviti kelab,
persatuan dan kolej,
rencana, puisi dan
sebagainya
daripada anda.

Hantarkan
sumbangan anda
kepada:

Ketua Editor
Akhbar Mahasiswa
d/a Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Memanfaatkan Peluang Sebagai MAHASISWA

Oleh:

A. Firdaus

TAHNAH dan SELAMAT DATANG ke kampus hijau!!!

Pastinya ANDA berbangga kerana akhirnya berjaya melanjutkan pengajian ke menara gading - terpilih daripada beratus-ribu pelajar lain. ANDA sememangnya bernasib baik!

Begitulah. Peluang menjadi mahasiswa tidak datang secara tiba-tiba dan percuma. Kita terpaksa bertungkus-lumus memastikan keputusan peperiksaan kita antara terbaik; sekurang-kurangnya pangkat 2!!! pun, keputusan yang meyakinkan belum cukup untuk dijadikan tiket ke menara gading, kita terpaksa pula bekerja keras mendapatkan borang permohonan, mengisi borang, memfotostat pelbagai sijil dan keterangan, ambil gambar, pengesahan, temuduga dan pelbagai lagi. Ya... bukan mudah menjadi mahasiswa!!!

Adalah wajar peluang menjadi mahasiswa 'mahal' kerana ianya menawarkan pelbagai kemudahan dan peluang yang sangat berharga. Semuanya terbuka untuk kita dan terpulung kepada kita sama ada ingin memanfaatkannya atau tidak. Antara peluang yang menanti

ialah ruang kepimpinan, ilmu, kerohanian dan persahabatan. Kesemua ruang ini menyumbangkan saham yang sangat besar kepada pembangunan potensi dan peribadi kita.

Ruang-ruang ini ditunjangi praktiknya oleh pelbagai kelab dan persatuan. Ada yang diberi kredit, ada yang tidak. Di samping itu, peluang mendapatkan jodoh, mencari rakan kongsi dan pengalaman - berniaga contohnya terbuka luas. Di sinilah, kerana terlalu banyak peluang, kebijaksanaan memilih kita teruji.

MAHASISWA SEBAGAI BAKAL PEKERJA

Umumnya kita sedar, baik diploma, ijazah, sarjana mahupun doktor falsafah (Ph. D) yang kita dapat hasil pengajian kita sangat mempengaruhi pilihan kerjaya kita. Pun begitu, di pihak majikan, segulung ijazah atau diploma hanyalah lesen asas bagi menentukan gaji di samping memastikan calon berkenaan tahu sedikit sebanyak tentang pekerjaan dan jawatan yang dipohon.

Lebih penting dan merupakan pelengkap kepada kejayaan akademik ialah personaliti, ketrampilan,

kebolehan mengurus, kepimpinan, komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, bersosial (*bergaul*), bekerja dalam kumpulan dan sebagainya yang jarang kita dapati secara akademik atau di bilik-bilik kuliah. Bukan semua mahasiswa berpeluang mempelajari subjek *Pidato Umum* atau *Perhubungan Awam* tetapi semua graduan diharapkan mempunyai kemahiran komunikasi antara perseorangan (*interpersonal communication*) yang baik.

TEMPOH PENGAJIAN ADALAH TEMPOH PEMBANGUNAN

Realiti ini menjadikan kehadiran kita di universiti bukanlah semata-mata mengejar kejayaan akademik sebaliknya menyediakan diri selengkapnya sebelum memasuki dunia pekerjaan dan masyarakat. Bermakna, kita seharusnya mengoptimalkan tempoh pengajian kita dengan mencari pengetahuan dan membina kemahiran yang diperlukan oleh dunia pekerjaan dan juga dunia kemasyarakatan tanpa melupakan aspek kerohanian sebagai teras segala tindakan.

Kursus yang kita pelajari belum tentu menyediakan kita selengkapnya dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi seorang pekerja - dan yang lebih utama; menjadi manusia yang berguna.

Kita harus bijak mengatur masa dan memilih subjek serta kegiatan luar dengan menetapkan matlamat serta objektif khusus penglibatan terlebih dahulu. Kita mesti jelas misalnya, mengapa kita terlibat dengan jawatankuasa? Apa yang ingin kita pelajari? Setakat mana? Dan, bagaimana kita dapat memanfaatkan subjek/kelab/persatuan bagi membina potensi dan peribadi sebaiknya?

Janganlah kita mengkesampingkan peluang belajar atau sekurang-kurangnya peluang mengetahui tentang nilai-nilai, alam benda dan sebagainya. Kita perlu memikirkan bagaimana kita dapat menggunakan apa yang kita telah belajar dalam kehidupan kita sehari-hari?

Apalah ertinya belajar kalau sekadar untuk lulus? Untuk lulus, kita tak perlu faham. Cukup sekadar tahu apakah jawapan yang betul. Itulah sebabnya ramai yang belajar saat akhir

dan meniru...

KEISTIMEWAAN RUANG MAHASISWA

Keistimewaan ruang mahasiswa sebagai ruang pembangunan insan berbanding dengan ruang lain seperti sekolah biasa, pekerjaan dan sebagainya ialah ruang mahasiswa menjanjikan penglibatan pelbagai pihak, pengiktirafan terhadap kebolehan dan kewibawaan kita berfikir dan melaksanakan kerja-atas nama mahasiswa; dan terakhir - kebolehan membuat salah.

Atas nama mahasiswa kita boleh menganjurkan aktiviti yang melibatkan orang kenamaan, artis dan sebagainya yang mungkin sebelum ini - agak sukar untuk kita lakukan atas nama pelajar sekolah. Sekiranya kita membuat kesalahan semasa pelaksanaan aktiviti, hukuman yang kita terima tidaklah seberat hukuman yang kita terima sekiranya kita berada di dunia pekerjaan misalnya.

Ruang mahasiswa adalah ruang pendidikan. Kesalahan-selagi ianya tidak dibuat berulang kali dianggap

Lihat muka 5

BERSAMA NC

PERUTUSAN PROFESOR DATO' DR. SYED JALALUDIN SYED SALIM NAIB CANSOLOR UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA



Prof. Dato' Dr. Syed Jalaludin Syed Salim

Saya ingin mengucapkan Selamat Datang ke Universiti Pertanian Malaysia kepada para pelajar sekalian.

Andainya saya menanyakan anda mengapakah anda datang ke universiti?, saya yakin saya akan mendapat bermacam-macam jawapan tetapi dalam hati anda sebab sebenarnya anda ke universiti ialah untuk mendapatkan ijazah. Tidak ragu-ragu lagi bahawa mempunyai sesuatu ijazah menjadi semakin penting untuk mendapatkan pekerjaan pada hari ini.

Bagaimanapun kelayakan ijazah semata-mata tidaklah mencukupi. Dalam pasaran kerja hari ini yang penuh dengan saingan dan dalam menghadapi masa depan, lulusan universiti perlu mempunyai kemahiran dan keupayaan yang luas.

Dari aspek majikan, mereka mementingkan bukan sahaja ilmu pengetahuan yang anda perolehi tetapi bagaimana anda menggunakan ilmu itu. Oleh itu pembinaan kemahiran peribadi atau "development of personal transferable skills" adalah sebahagian penting dalam pengalaman anda di universiti. Nilai pendidikan universiti sama ada dalam bidang perakaunan atau kejuruteraan ialah ia membina kemahiran untuk berfikir dengan bebas dan kritikal, menerima maklumat

dan maklumat dan mengaplikasikan ilmu yang dipelajari dalam situasi-situasi baru. Oleh itu manakala program-program ijazah yang anda ikuti mengajar anda kemahiran profesional yang spesifik, dan memberikan anda ilmu-ilmu specialised yang relevan dengan kerja tertentu, yang paling penting ialah pendidikan universiti mengajar anda bagaimana hendak belajar dan berfikir secara bebas. Dan bagaimanakah anda menggunakan ilmu-ilmu yang dipelajari.

Kursus-kursus di UPM sentiasa digubal untuk membina imaginasi dan kebebasan berfikir yang akan menentukan perkembangan personal dan kerjaya. Penekanan universiti adalah pendidikan yang seimbang, prihatin bukan sahaja terhadap kecemerlangan akademik dalam pencarian ilmu dan kemahiran-kemahiran analitikal tetapi juga dalam menggunakan dan mengkomunikasikan ilmu dan kemahiran itu. Kami di universiti berhasrat untuk membina kemahiran-kemahiran anda dari aspek perancangan, bekerjasama, penentuan matlamat-matlamat, berfikir secara kritikal dan kreatif dan dalam mengambil dan menggerakkan inisiatif-inisiatif. Kemahiran-kemahiran ini adalah penting kepada bakal-bakal majikan. Ia juga penting dalam

merancang dan menguruskan kehidupan anda dan masa depan kerjaya anda.

Staf dan pensyarah-pensyarah di UPM beriltizam untuk menumpukan sebahagian besar masa mereka dalam memajukan bidang pengkhususan mereka menerusi keserjanaan dan penyelidikan di mana mereka mengajar kursus-kursus mereka bukan sebagai satu bidang ilmu yang statik tetapi sebagai satu bidang yang dinamik dan sentiasa berkembang. Sebagai seorang pelajar anda dapat memberikan sumbangan secara terus-menerus supaya pengajaran dan pembelajaran menjadi satu aktiviti kolaboratif.

Manakala kuliah-kuliah formal adalah sebahagian daripada asas pengajaran universiti, ia hanya merupakan titik permulaan sahaja. Penggunaan perpustakaan merupakan bahagian penting proses pendidikan di mana anda boleh meluaskan kefahaman anda terhadap sesuatu idea yang ditimbulkan di dalam satu-satu kuliah dengan membuat rujukan di perpustakaan. Bagi pelajar-pelajar yang bidang pengajiannya berasaskan sains, kerja-kerja di makmal dan di ladang juga menjadi sebahagian utama pengajaran. Anda juga perlu menggunakan dengan sebaik-baiknya kemudahan-kemudahan perkhidmatan seperti kemudahan komputer, aktiviti-aktiviti sukan dan persatuan, PALAPES dan lain-lain.

Universiti memberikan pengalaman yang melibatkan keseluruhan individu dan bukan semata-mata bahagian-bahagian deria yang mendengar kuliah-kuliah, mengambil nota dan meluahkan kembali dalam kertas-kertas jawapan. Bagi sebahagian besar daripada anda, tahun-tahun di universiti adalah masa yang penuh dengan cabaran kerana pendidikan universiti

bukan hanya memajukan pengajian anda dalam bidang-bidang pengkhususan tertentu tetapi juga memberi kesempatan kepada anda untuk hidup bersama-sama dengan manusia lain yang berbilang kaum, bangsa dan agama, untuk mengurus kewangan dan kehidupan anda, serta membimbing anda membuat keputusan tersendiri.

Aspek sosial universiti juga amat penting dan perlu di hubungkan dengan rapat dengan aspek akademik. Semasa di universiti anda seharusnya menambahkan bilangan kawan-kawan dan membina minat yang dapat berkekalan sehingga akhir hayat. Anda hendaklah cuba berusaha untuk bergaul dan mencari kawan dari pelajar-pelajar semua kaum dan agama di samping belajar untuk mempelajari dan memahami budaya dan kepercayaan masyarakat lain, di samping belajar untuk bertoleransi dan hormat kepada perbezaan-perbezaan dan keindividualan. Oleh itu belajarlah untuk menerima dan menghormati perbezaan-perbezaan yang ada di kalangan masyarakat kampus dan dengan ini dapatlah bantu mencipta UNITY IN DIVERSITY.

Dalam usaha ke arah ini aktiviti-aktiviti budaya dan kesenian diadakan untuk membolehkan pelajar-pelajar memahami dan menghayati kesenian masyarakat berbilang kaum di Malaysia agar fahaman unsur-unsur kesenian akan mencipta kematangan mental, sikap toleransi dan saling hormat menghormati di kalangan pelajar. Pelbagai aktiviti di peringkat universiti bukan sahaja bertujuan untuk menggalakkan perpaduan di kalangan pelajar-pelajar berbagai kaum, bangsa dan keturunan, agama dan latar belakang, tetapi juga untuk mendedahkan pelajar-

pelajar universiti kepada perbezaan nilai, sikap serta pendapat dan pandangan komuniti universiti bagi memperkayakan pengetahuan dan pengalaman.

Cara anda menggunakan masa dan diri anda di universiti berada dalam tangan anda. Kami di universiti akan melakukan sedaya upaya kami untuk membantu dan membina potensi anda serta mendapat manfaat yang sebaik-baik mungkin daripada kursus-kursus yang anda ikuti. Tetapi yang paling penting kepada kejayaan anda ialah usaha yang anda berikan. Tidak ada sesiapa pun yang dapat membantu anda melainkan anda sendiri. Kejayaan tidak mungkin tercapai tanpa pengorbanan. Kehidupan anda di kampus ini dalam jangka masa tiga atau empat tahun akan datang memeluk

menjadi warganegara yang bertanggungjawab yang dapat menggunakan ilmu untuk kepentingan diri, organisasi, masyarakat dan negara.

Dalam semua usaha sama ada di universiti atau di dalam kehidupan anda, sentiasalah berusaha ke arah kecemerlangan dan menolak mediocracy kerana universiti adalah sebuah pusat kecemerlangan.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, Malaysia mempunyai wawasan untuk menjadi sebuah negara maju yang berasaskan perindustrian dalam satu tempoh masa yang agak singkat. Untuk mencapai matlamat ini pertumbuhan ekonomi negara hendaklah berkembang sekurang-kurangnya pada kadar 7 peratus setahun. Di samping itu negara juga hendaklah meningkatkan daya saingnya agar dapat

teknologi diajar dalam bahasa Inggeris.

Di Universiti Pertanian Malaysia, terdapat mata pelajaran sains dan teknologi yang diajar dalam bahasa Inggeris. Di sini saya meminta agar para pelajar bersikap positif dan bersemangat untuk belajar agar dapat fasih bukan sahaja dalam bahasa Malaysia tetapi juga dalam bahasa Inggeris.

Saya sedari bahawa ada pelajar-pelajar yang tidak dapat program pilihan mereka malah ditawarkan program-program lain. Janganlah putus asa dan kecewa malah hendaklah menerimanya sebagai satu peluang keemasan yang mungkin tidak akan berulang. Saya berharap para pelajar ini menerima tawaran itu dengan hati yang positif dan terbuka lantas berusaha sedaya upaya untuk mencapai kecemerlangan. Oleh itu dalam apa jua program



Kejayaan tidak mungkin tercapai tanpa pengorbanan

pengorbanan yang banyak terutama sekali dalam menghadapi berbagai-bagai cabaran, tetapi pengorbanan yang dicurahkan semasa di kampus ini akan membuahkan hasil yang tidak dapat dinilai harganya selepas anda bergraduasi nanti. Ini adalah kerana pendidikan universiti bukan semata-mata pendidikan untuk mendapatkan kertas ijazah atau diploma malah pendidikan universiti adalah persediaan untuk hidup serta persediaan untuk

bersaing dengan negara-negara lain di dunia. Dalam usaha meningkatkan daya saing negara, tidak dapat dinafikan tentang pentingnya bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan dalam hubungan antarabangsa khususnya dalam bidang ekonomi, sains dan teknologi. Menyedari hakikat ini, kerajaan telah mengambil langkah untuk memperkukuhkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar apabila kerajaan membuat dasar yang membenarkan sains dan

yang diikuti, para pelajar hendaklah sentiasa berada di hadapan. Dalam hal ini anda hendaklah bersikap positif dan menggunakan kesempatan ini dengan sebaik-baiknya. Janganlah persia-siakan masa di kampus ini.

Saya mengucapkan selamat berjaya kepada semua pelajar dalam usaha anda mengikuti pendidikan universiti dan saya berharap masa-masa anda di universiti merupakan masa-masa yang paling menggembirakan.

MAHASISWA AKTIF



Pengarah aktiviti

oleh:
Mazlah Awang

Majlis Tertinggi Mahasiswa (MTM), Kolej Kediaman Keenam (KK6) Universiti Pertanian Malaysia (UPM) telah menganjurkan program Pembentukan Organisasi Berketrampilan di KK6 baru-baru ini. Program yang disertai oleh 26 orang Exco MTM ini bertujuan menyediakan barisan pimpinan kolej yang progresif dan berdikari


dan membentuk hubungan rapat antara mereka serta membentuk persefahaman kerja bagi menerajui pucuk pimpinan kolej untuk masa-masa yang akan datang. Menurut pengarah aktiviti, **Mahfudz Ahmad**, melalui program yang dilaksanakan, peserta menunjukkan semangat kerjasama dan membentuk persefahaman di mana keadaan ini perlu ke arah melahirkan satu organisasi yang kreatif

dan realistik. "Saya percaya dengan adanya kursus ini, maka persefahaman dan hubungan erat yang dibentuk lebih awal akan memudahkan pelaksanaan aktiviti dan seterusnya memastikannya kelancarannya untuk masa yang akan datang,". Katanya mengulas mengenai kursus tersebut.

Seorang peserta, Zaini Sulaiman Manap berkata melalui kursus ini ialah bagaimana mencerna

serta menggabungkan idea-idea yang lebih mantap bagi menggerakkan barisan pimpinan yang lebih berkesan. Tambahnya, "Dengan adanya kursus ini kami merasakan lebih yakin untuk menjalankan amanah dan tanggungjawab yang diberi dan berharap ia akan terus diadakan untuk masa hadapan bagi merealisasikan matlamat dan wawasan bagi memastikan kecermelangan kolej."

PEMBENTUKAN ORGANISASI BERKETRAMPILAN



Berbincang... memberi manfaat tentang menjalani proses pembelajaran

PELAJAR BIOPERUBATAN DI PULAU KAPAS

Oleh: **Ahmad Supian Abdullah B.S (Bioperubatan)**

Seramai 32 orang pelajar kumpulan pertama program Bachelor Sains (Sains Bioperubatan), telah berjaya menganjurkan Ekspedisi perkhemahan di Pulau Kapas Terengganu baru-baru ini.

Ekspedisi perkhemahan ini diadakan bertujuan untuk meluaskan pengetahuan pelajar tentang alam sekitar di negara ini dan kursus Bioperubatan yang diikuti di samping untuk memupuk semangat kekeluargaan di kalangan para pelajar serta pegawai terlibat. Pengarah projek, Teh

Cheean Boon berkata, "Ke arah melahirkan semangat berkumpulan, kesedaran dan motivasi terhadap keindahan dan kebersihan alam sekitar, aktiviti membersihkan persisiran pantai pulau telah dijalankan."

"Di samping itu juga kesedaran tanggungjawab sebagai kumpulan pertama bagi program tersebut adalah sesuatu yang harus difahami oleh setiap ahli keluarga Bioperubatan dengan jelas dan kesedaran ini telah diterangkan oleh pensyarah pengiring iaitu Dr. Mohd Hair Bejo melalui perbincangan bersama pelajar,"

tambahnya lagi.

Katanya lagi, "Selain itu, aktiviti ini juga dapat melahirkan mahasiswa yang aktif, berketrampilan dan berwibawa dalam melaksanakan sesuatu program dan diharapkan ianya dapat memberi manfaat serta pengetahuan tentang menjalani proses pembelajaran, kemasyarakatan serta kesihatan sejagat."

Di antara aktiviti lain yang dijalankan ialah sukan pantai, menjelajah pulau, berkenu dan perbincangan dalam keluarga Bioperubatan serta ceramah motivasi.

MEWARISI KEGEMILANGAN....

Kesanggupan pencari syarat
pewaris gemilang...

Berfalsafahkan kata-kata di atas, seramai 25 orang mahasiswa Kelab Akhbar Mahasiswa (KAM) UPM telah mengadakan suatu aktiviti yang cuba menyingkap kembali sejarah masyarakat Pulau Perhentian, Terengganu Darul Iman pada cuti antara semester baru-baru ini.

Aktiviti yang dinamakan Penerokaan Penulis Pewaris Pulau Perhentian (5P) ini mempunyai objektif seperti berikut iaitu mencari, mencungkil dan merekodkan dalam bentuk tulisan khazanah budaya penduduk Pulau Perhentian dan kemudiannya menyebarkan segala khazanah budaya penduduk Pulau Perhentian kepada awam menerusi akhbar, majalah dan sebagainya.

Selain itu aktiviti 5P juga bertujuan untuk meningkatkan persefahaman di samping mewujudkan suasana yang selesa di dalam persahabatan.

Aktiviti yang sungguh menarik dan mencabar ini dimulai dengan berjalan kaki dari Simpang Tiga Melawi di Bachok hingga ke Kuala Semerak dan perjalanan tersebut disambung

keesokan harinya ke Besut, Terengganu.

Aktiviti 5P ini diteruskan dengan pelayaran ke Pulau Perhentian dengan menaiki bot dan di Pulau Perhentian itulah mereka berkhemah selama empat hari dan mengadakan aktiviti-aktiviti yang cuba sedaya upaya memenuhi objektif tersebut.

Zakaria Tahir, 21, mahasiswa Ijazah Perakunan menegaskan tentang betapa pentingnya warisan budaya untuk generasi akan datang.

"Dengan kemajuan pembangunan yang semakin pesat,

NOR HAIRULNIZAM WAHID BAC. SC. BIOTEKNOLOGI

khazanah budaya seperti perlu 'diselamatkan' agar generasi akan datang tidak melupakan aset bangsa yang amat berharga itu," tambah beliau.

Menurut Anida Aripin, 19, mahasiswa Diploma Sains Komputer menyifatkan bahawa aktiviti ini adalah aktiviti paling menarik pernah disertainya.

"Mengkaji masyarakat sesuatu tempat dari segenap aspek adalah sesuatu yang terlalu baru bagi saya. Bagaimanapun, saya merasa begitu gembira," tambahnya.

Lain pula bagi Ahmad Muliadi Samsoo, 19, pelajar Matrikulasi Sains

yang beranggapan bahawa aktiviti ini tidak begitu mencabar seperti aktiviti-aktiviti ekspedisi yang pernah dilaluinya sebelum ini.

"Apa yang menarik mengenai aktiviti ini adalah sikap kerjasama dan saling memahami di antara satu sama lain untuk melancarkan segala aktiviti yang dirancangan."

Aktiviti 5P ini sedikit sebanyak dapat memberi pengetahuan di samping memberi pengalaman sebagai aset di dalam penulisan.

Encik Yahaya Salim, Ketua Penolong Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah sudi menjadi pengiring sepanjang aktiviti ini.



Menyiangkan ikan - peserta 5P melihat pemrosesan keropok

KE ARAH MELAHIRKAN INDIVIDU UNGGUL

oleh
Mazlah Awang

Seramai 58 orang mahasiswa dari program Bachelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling), Universiti Pertanian Malaysia telah mengikuti Program Kaunseling 1 di Taman Rekreasi Templer Park baru-baru ini.

Program anjuran Persatuan Mahasiswa Fakulti Pengajian Pendidikan (PMFPP), UPM ini merupakan salah satu daripada beberapa jenis kaunseling kelompok di mana pengendalian dijalankan secara kem

dan berunsurkan rekreasi.

Menurut pengarah program, En. Rusli Ngah, kaunseling kelompok yang dikenali sebagai kelompok 'marathon' ini walaupun perlaksanaannya secara kem dan berunsurkan rekreasi tetapi rekreasi tidaklah menjadi objektif utama.

"Program-program yang digunakan adalah sebagai media terapi di dalam aktiviti kelompok", jelas beliau.

Beliau turut menggariskan beberapa objektif program

antaranya meningkatkan sikap dan nilai positif bakal kaunselor dan melatih mereka untuk menjadi fasilitator serta mengendalikan kem kaunseling.

Tambahnya lagi kem ini juga penting ke arah mewujudkan persefahaman dan semangat kerjasama serta mendedahkan kepada peserta pengalaman dan ilmu pengetahuan ke arah membina personaliti dan sahsiah yang baik.

Dr. Nordin Kardi telah bertindak sebagai penasihat pengiring kepada kem tersebut.

RENCANA UMUM

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
DALAM KONTEKS KEMAHASISWAAN

- Prof. Madya Dr. Halimah Hj. Ahmad
Dekan Fakulti Ekologi Manusia UPM

(Petikan kertas kerja
di Konvensyen Mahasiswa '94 UPM Kali Pertama
anjuran Persatuan Mahasiswa Islam
pada Januari 1994 di UPM)

Disusun oleh:
A. Firdaus

Konsep Pembangunan

Konsep pembangunan membawa erti apa jua bentuk perubahan, peralihan atau pergerakan dari satu tahap ke tahap yang lebih baik atau lebih positif melalui daya usaha terancang dan bermatlamat.

Pembangunan Sumber Manusia dan Pembangunan Manusia

Apabila konsep pembangunan itu dikaitkan dengan pembangunan sumber manusia ia biasanya menekankan peranan perancangan dalam pelaburan modal insan (Human Capital Investment) yang dibuat melalui pendidikan dan latihan dalam kemahiran teknologi tertentu untuk menampung keperluan pembangunan sesebuah institusi, komuniti atau negara. Ini biasanya dilakukan secara terancang selaras dengan wawasan sesebuah negara, dan berlandaskan tren, arah aliran sosio-ekonomi serta demografi negara berkenaan.

Sebagai contoh, di Malaysia Wawasan 2020 menjadi objektif jangka panjang negara untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju, negara industri mengikut acuan budaya kita sendiri. Untuk mencapai hasrat tersebut, langkah-langkah menyediakan negara ke arah negara industri perlu dibuat dari sekarang termasuk pembangunan sumber manusia yang terancang.

Ariffin (1993) berpendapat jika dilihat

dari segi konsep pembangunan sumber manusia adalah sempit kerana ia seolah-olah menilai manusia sebagai komoditi yang boleh diguna untuk meraih keuntungan material semata-mata bagi tujuan pembangunan ekonomi sama ada di peringkat individu, keluarga mahupun negara.

Pendidikan yang memberi fokus kepada ilmu sains dan teknologi yang bermatlamat untuk semata-mata menyediakan sumber tenaga mahir telah berjaya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara yang pesat seperti yang dibuktikan oleh negara-negara Barat dan Jepun.

Tetapi dalam masa yang sama negara-negara berkenaan menghadapi penyakit masyarakat yang berat. Jenayah komersil, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan wang rakyat, kerosakan moral seperti penyalahgunaan dadah, pelacuran di kalangan remaja, penderaan kanak-kanak dan berbagai gejala sosial lain kerap terjadi dan amat membimbangkan semua pihak. Kini ramai yang mengkaji sistem yang ada merasakannya sebagai pendorong kepada kelahiran masalah tersebut.

Ramai yang berpendapat sistem pendidikan dan latihan yang hanya memberi tumpuan kepada pengetahuan dan kemahiran teknikal dan profesional adalah tidak lengkap dan tidak sesuai di Malaysia. Saranan bahawa pendidikan perlu mengseimbangkan dua aspek penting iaitu pembangunan manusia dan pembangunan

sumber daya manusia perlu dipertingkatkan lagi. Pembangunan manusia akan menumpu kepada 4 ciri utama individu iaitu memperteguh dan memperkukuh personaliti, fizikal, mental dan kerohanian. Manakala pembangunan sumber daya manusia pula menekan kepada bidang pengajian profesion, atau pengetahuan dan kemahiran sains dan teknologi yang dipilih oleh individu pelajar atau mahasiswa.

Dari satu segi lain konsep pembangunan sumber manusia boleh juga dilihat dari aspek yang lebih mendalam dan bukan sekadar menumpu kepada pengetahuan untuk keperluan pekerjaan semata-mata tetapi pembangunan potensi manusia itu sendiri. Sumber diri atau potensi diri setiap manusia itu luas dan boleh merangkumi aspek-aspek personaliti, fizikal, mental dan kerohanian. Manusia itu digerakan dan dibangunkan. Kejayaan manusia lebih berpunca daripada sikap positif, motivasi dalam (self propelled) untuk berjaya berusaha ke arah kecemerlangan diri.

Ke Arah Mahasiswa Cemerlang

Penghayatan konsep pembangunan manusia dan pembangunan sumber manusia perlu diamalkan berterusan selaras dengan nilai-nilai agama dan etika murni. Sekiranya ini dapat ditingkatkan tidak ada sebab mengapa setiap mahasiswa tidak boleh menjadi cemerlang.

Beberapa perkara yang boleh meningkatkan potensi

dan kecemerlangan seorang mahasiswa:-

a. Bertanggungjawab, kerana ia sedar peranan mahasiswa adalah nikmat dan kurniaan yang diberi oleh Allah dan tidak boleh disalahgunakan.

b. Dalam menuju kecemerlangan mahasiswa seharusnya sedar perhubungan sesama mahasiswa dan antara mahasiswa dengan pensyarah dan antara mahasiswa dengan komuniti adalah amat digalakkan. Kecemerlangan diri tidak berlaku dan tercapai tanpa sokongan pihak lain.

c. Motivasi yang berterusan. Mahasiswa sedar yang dia telah memikul amanah untuk terus maju dan berjaya untuk diri, keluarga dan masyarakat. Oleh itu, perlu sentiasa menggalakkan diri untuk terus maju, tidak leka dan tidak malas untuk bertindak ke arah kecemerlangan diri.

d. Sentiasa menjaga keselamatan dan maruah diri termasuk penjagaan fizikal supaya sentiasa sihat dan cergas agar berupaya berusaha untuk maju.

e. Disiplin. Kejayaan dan kecemerlangan mahasiswa juga bergantung kepada disiplin diri yang kuat. Tiada disiplin akan membawa kehancuran kerana kita tiada haluan dan terumbang-ambing tanpa matlamat yang hendak dicapai.

f. Kejayaan dan Kegagalan. Jadikan kegagalan sebagai dorongan mencapai kejayaan yang berterusan bukan sebaliknya iaitu leka dengan kejayaan yang sedikit hingga kurang berusaha untuk terus berjaya. Kejayaan juga lebih bermakna jika ianya dikongsi. Kongsi maklumat dengan rakan-rakan supaya konsep kita berjaya, kita cemerlang dapat ditingkatkan.

Dari muka 2

KELAB DAN PERSATUAN SEBAGAI TAPAK PEMBANGUNAN

Kebanyakan ruang yang disebut terdahulu secara langsung atau tidak ada ditawarkan oleh banyak sekali kelab dan persatuan di universiti ini melalui pelbagai aktiviti khusus masing-masing. Persatuan/kelab ini bernaung di bawah unit perhubungan pelajar, kerohanian, sukan, kolej dan fakulti.

Dalam sesebuah kelab/persatuan seseorang itu mendapat peluang belajar bagaimana menjadi pemimpin, berorganisasi, bekerja dalam kumpulan, bekerja dalam keadaan tertekan dan ditekan, menjadi ahli, mematuhi arahan serta sebagainya.

Pergerakan (kelab/persatuan) ini jugalah biasanya yang merangsang kepada perkembangan persahabatan. Melaluinya individu belajar bagaimana untuk bertingkahtaku dalam majlis formal mahupun dalam keadaan biasa selain daripada iktiviti khusus kelab tersebut seperti memanah, berpengakap mahupun menerbitkan akhbar.

Malah dalam pergerakan sebegini juga individu belajar bagaimana menangani rasa kecewa, menerima, memberi, diterima, ditolak, dihargai dan sebagainya yang bakal membentuk kefahaman dan kesedaran terhadap dirinya sendiri dan orang lain.

Kelab/Persatuan juga menyediakan ruang yang cukup selesa untuk kita belajar mengenali siapa kawan, siapa sahabat dan siapa rakan ibarat api di dalam sekam. Walaupun ruangan ini tidak jauh bezanya dengan ruang asrama, rakan sekursus dan sebagainya tetapi dengan adanya kebiasaan bekerja dalam kumpulan bagi melaksanakan sesuatu aktiviti menyediakan ruang untuk kita lebih mengenali potensi, sikap, kemahiran, bakat dan keprofesionalisme ahli/rakan yang terlibat.

sebagai satu kebiasaan kerana yang melakukannya adalah mereka yang sedang belajar atas nama pengalaman adalah guru yang paling baik. Inilah 'kebebasan' maha unggul mahasiswa!

Pun begitu haruslah diingat, ruang 'kebolehan membuat salah' ini wujud berdasarakan kepercayaan kita akan belajar dari kesilapan dan memperbaikinya di masa akan datang serta tidak ada manusia yang sedia melakukan kesilapaan (atau kebobrohan) yang sama berulang kali.

Oleh kerana di universiti kita tidak mempunyai pengawas seperti di sekolah dahulu, tindakan mahasiswa majoritinya diawasi oleh kematangan dan keinsanan mahasiswa sendiri. Pun begitu, para pengawal keselamatan, unit kerohanian, hal-ehwal pelajar dan kaunseling tidaklah lepas tangan sebaliknya sedia membantu atas dasar mahasiswa masih memerlukan bimbingan dan kebebasan tanpa kawalan hanya akan merosakkan keadaan.

MEMANFAATKAN PELUANG YANG ADA

Bagai memanfaatkan peluang yang ada kita lebih dulu harus jelas:-

1. Apakah yang ingin kita capai sepanjang tempoh pengajian kita di universiti - selain daripada kecemerlangan akademik?
2. Bagaimana cara yang ingin kita kuasai sepanjang tempoh pengajian kita sebagai persediaan menghadapi dunia pekerjaan dan kemasyarakatan kelak?
3. Apa risiko yang akan kita hadapi?
4. Apakah yang harus kita korbankan?
5. Apakah sikap yang harus kita ubah?
6. Apakah kemahiran yang ingin kita kuasai sepanjang tempoh pengajian kita sebagai persediaan menghadapi dunia pekerjaan dan kemasyarakatan kelak?
7. Bagaimana kita dapat memperbaiki kelemahan peribadi dan keimanan kita?
8. Siapakah yang dapat membantu kita mencapai apa yang kita inginkan?

Itulah antara soalan yang harus kita jawab - dengan sepenuh jujur

dan ikhlas. Tetapi untuk menghasilkan yang terbaik, ianya masih boleh diperincikan. Lagi jelas sesuatu matlamat dan rancangan itu, lebih mudah ianya dilaksanakan.

RAKAN SEBAYA SEBAGAI PENDORONG

Untuk mencapai apa yang kita inginkan, kita memerlukan sokongan dan kerjasama dari pelbagai pihak. Lagi banyak kerjasama yang kita dapat lagi mudah hasrat kita tercapai. Kawan-kawan sebagai kumpulan yang sering berada di sekeliling kita berupaya menjadi mangkin dan pembantu yang sangat berguna. Itu pun jika kawan-kawan sedia berkongsi harapan dan bersedia bersamasama berusaha mencapai kecemerlangan.

Bukan sedikit kawan-kawan yang tidak menyokong keinginan kita malah memperkecilkan pula kebolehan dan cita-cita kita. Inilah risikonya jika kita berkawan dengan golongan yang berfikir sempit dan mementingkan diri sendiri serta kurang kemanusiaan dan keimanan.

Menangani masalah ini, kita seharusnya bijak dan berhati-hati memilih kawan dan sahabat. Kemahiran komunikasi antara perseorangan, sikap yang rasional, positif dan terbuka turut membantu menjernihkan keadaan.

BERFIKIR DAN MULAKANNYA...

Sebenarnya kita tidak mempunyai banyak masa. Peluang datang setiap hari dan biasanya peluang esok tidak sama dengan peluang yang datang hari ini. Kita harus menetapkan apa yang kita inginkan, apa yang perlu kita ubah dan apakah yang perlu kita lakukan; *sekarang...*

Kejayaan adalah milik orang yang berusaha. Kegagalan sebenarnya tidak wujud. Apa yang terjadi sebenarnya ialah kita belum mampu mengenali dan menggunakan potensi kita untuk berjaya!

O.K! Mulakannya *sekarang...*

Semoga Tuhan memberkati usaha ANDA!

Selamat memilih dengan bijaksana!!!

MAHASISWA AKTIF

KEM KAUNSELING UNTUK BAKAL KAUNSELOR

Ke arah melahirkan individu yang tahan cabaran, maka Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia (KLKMUPM) telah menganjurkan kursus Bina Semangat III di Mangrove Park, Melaka pada 26 hingga 29 Jun 1994 ini.

Kursus yang akan melibatkan penjelajahan kawasan paya bakau ini merupakan julung-julung kali diadakan oleh KLKMUPM dan dianjurkan bagi menanam prinsip individu unggul ke dalam diri setiap peserta.

Menurut pengarah projek, Norida Mazlan, cabaran kali ini merupakan pengalaman menarik yang ditempuh

oleh peserta kursus dan diharap akan memberi peluang kepada mereka untuk mengaplikasikan dan mencari alternatif dalam menghadapi cabaran.

Tambahnya, dengan daya pemikiran yang berasakan pengalaman serta sumber alam yang sedia ada, peserta teruji ke arah melahirkan beberapa sifat-sifat murni diri seperti semangat bekerjasama dalam kumpulan, melahirkan daya tahan diri, kesabaran, ketabahan, kekuatan mental dan fizikal peserta dan melihat ketrampilan mereka dalam menyelesaikan masalah apabila keadaan terdesak.

"Saya yakin cabaran-

cabaran yang dihadapi berupaya memberi latihan kepimpinan kepada peserta serta mampu melahirkan individu yang berkebolehan dalam menghadapi pelbagai bentuk cabaran." Katanya lagi.

Tambah beliau, "seterusnya ia akan mewujudkan suasana dan melahirkan cara untuk berinteraksi dengan masyarakat, mampu mengatasi masalah dan membuat keputusan yang cepat dan tepat."

Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah 'kayaking', 'rope course', 'jungle tracking', 'swam crossing' dan ceramah survival.

PELAJAR VETERINA KE PULAU SINGA BESAR

Program yang disertai oleh 40 orang peserta ini merangkumi pelbagai aktiviti menarik seperti gotong-royong membersihkan laluan pejalan kaki (*jungle tracking*) di pulau tersebut, melawat dan mempelajari kehidupan dan juga klinik permasalahanan pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar-pelajar.

"Program seperti ini dapat menjalinkan hubungan antara

sesama pelajar juga pensyarah di samping meningkatkan motivasi terhadap pentingnya alam semulajadi dalam kehidupan," menurut setiausaha aktiviti, Zurina Zaini.

Katanya lagi, sikap positif para pelajar memban tu keberkesanan aktiviti tersebut.

Sebagai inisiatif untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan kesihatan haiwan, baru-baru ini

pelajar-pelajar kursus Diploma Kesihatan Haiwan dan Penternakan (DKHP) tahun dua telah mengadakan aktiviti gotong-royong dan perkhemahan sambil belajar di Taman Haiwan Pulau Singa Besar, berhampiran Pulau Langkawi.

Antara objektif yang cuba dicapai menerusi aktiviti ini, ialah memberi kesedaran dan motivasi kepada pelajar yang berperanan menggerak

masyarakat yang lebih maju dan produktif. Selain itu ia juga memberi kefahaman dan pengetahuan yang lebih jelas tentang kepentingan haiwan dan alam semulajadi masa kini.

Aktiviti ini juga bertujuan untuk melahirkan pelajar yang aktif, produktif dan kreatif dalam melakukan sesuatu kerja atau program.

MAJLIS JASAMU DIKENANG

Oleh
Ahmad Supian Abdullah

"Mengenang dan menghargai jasa kepada yang telah menyumbangkan bakti adalah sifat terpuji yang seharusnya ada pada diri setiap individu."

Menyedari akan betapa perlunya menghargai jasa seseorang maka Majlis Tertinggi Mahasiswa (MTM), Kolej Kediaman Keenam (KK6) telah mengadakan Majlis Jasamu Dikenang pada 23 April yang lalu di Dewan Sri Pulasan.

Majlis ini diadakan khusus untuk menghargai setiap jasa dan sumbangan bakti warga kolej serta semua pekerja serta kakitangan pejabat Kolej Kediaman Keenam.

Ketua Pengarah Arkib Negara Yang Berbahagia Dato' Zakiah Hanum, telah dijemput sebagai tetamu kehormat. Beliau telah merasmikan Perpustakaan Maju Diri

(PMD), KK6.

Dalam ucapan perasmian beliau menegaskan bahawa menghargai jasa seseorang dengan sesuatu anugerah dapat memberi dorongan kepada individu tersebut meningkatkan lagi kecemerlangan diri.

Kecemerlangan seseorang mahasiswa tidaklah hanya diukur dari segi akademik sahaja malahan bidang kokurikulum juga harus diberi perhatian agar ilmu yang dipelajari di bilik-bilik kuliah dapat diperkembangkan lagi." Kata beliau lagi.

Mengenai penubuhan PMD, beliau berkata bahawa warga kolej haruslah berbangga kerana ia merupakan sebuah perpustakaan khusus untuk mahasiswa mencari bahan bacaan yang dapat memajukan diri mereka dan ia merupakan yang



Yang Berbahagia Dato' Zakiah Hanum

pertama ditubuhkan di kolej kediaman di UPM.

Beliau turut menyampikan beberapa anugerah kepada warga kolej, iaitu Anugerah Setia Dusun bagi kakitangan yang telah berkhidmat lebih sepuluh tahun, Anugerah Bakti Dusun bagi pegawai universiti dan Anugerah Sri Kencana Dusun, Sri Pinang Diraja, Sri Kasturi Kenangan serta Sri Pauh Dilayang bagi warga kolej yang menyumbangkan tenaga untuk kemajuan kolej.

Pemenang anugerah Sri Kencana Dusun iaitu anugerah tertinggi pelajar, Zulkefli Mohd Isa

berkata, dalam menjalankan sesuatu tugas yang diberikan keikhlasan dan kesabaran amatlah penting di samping kesanggupan meluangkan masa untuk menguruskan tugas-tugas yang diamanahkan.

Di akhir majlis, Dato' Zakiah Hanum turut menyumbangkan tiga naskah buku masakan yang beliau tulis sendiri untuk koleksi PMD kolej dan juga kepada semua warga kampus UPM.

pelajar-pelajar yang berkebolehan akan diserapkan sebagai pelapis kepada kepimpinan pelajar KK4 yang ada sekarang," katanya lagi.

Penutup majlis pada malam itu diserikan dengan upacara memotong belon beserta penurunan sepanduk dengan ucapan "Selamat Datang Ke Kolej Kediaman Keempat" sebagai tanda bagi pelajar tahun satu secara rasmi menjadi warga kolej tersebut.

JURULATIH JEMPUTAN KE PERKHEMAHAN BERUNIFORM

Semasa cuti semester sebelum sesi Julai 94/95 bermula, seramai 11 orang termasuk 2 orang penasihat telah dijemput hadir ke SMKA Simpang Lima untuk menjadi jurulatih di dalam perkhemahan beruniform di sekolah tersebut. Perkhemahan ini telah dianjurkan oleh PBSMM SMKA Simpang Lima dengan kerjasama setiausaha PBSMM Daerah Sabak Bernam. Program ini berlangsung selama 5 hari bermula daripada 27 — 31 April 1994 yang melibatkan pelajar daripada pelbagai unit beruniform sekolah tersebut seperti Puteri Islam, Pandu Puteri, Pengakap dan PBSMM seramai lebih kurang 200 orang. Ahli PBSMM DK UPM dengan kerjasama penasihat persatuan iaitu En. Omar Osman dan En. Yaacob Mohd. Salleh telah memberikan sedikit penerangan dan ceramah berbentuk motivasi dan latihan fizikal kepada peserta-peserta program.

Aktiviti-aktiviti seperti ini yang julung-julung kali diadakan di sekolah ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar pelbagai tahap.



Aktif - komitmen perlu wujud

Di samping itu ia bertujuan untuk memastikan semua unit beruniform di sekolah tersebut bergiat aktif dan dapat menjalinkan silaturahim antara satu sama lain. Di antara aktiviti program motivasi, ceramah disiplin dalam beruniform, pendedahan tentang institusi pengajian tinggi khususnya UPM, kursus CPR, mock exercise dan

segainya. Segala aktiviti yang dirancang berjalan dengan baik dan mendapat kerjasama daripada semua peserta. Banyak pengalaman serta ilmu pengetahuan boleh didapati sepanjang program ini. Ia dapat membentuk individu yang berdisiplin dan mampu menjadi pemimpin yang berwawasan kelak.

MALAM APRESIASI SENI KK4 MERIAH

Hebat dan menarik! Itulah pujian yang seharusnya diberikan kepada pelajar-pelajar tahun satu Kolej Kediaman Keempat (KK4) ketika memeriahkan Malam Apresiasi Seni kolej tersebut baru-baru ini.

Majlis yang mengakhiri minggu suaikenal peringkat kolej sesi 1994/95 itu telah dibuka dengan iringan

lagu "Mentera Semerah Padi" dan dihiasi persembahan pencak silat. Majlis yang berjalan lancar itu juga telah dimeriahkan dengan acara kesenian seperti dikir barat, boria dan pantomim.

Menurut pengarah malam tersebut, Sdr. Hamizi Mat Juah ketika ditemubual berkata, "Kerjasama dari semua pihak terutamanya dari

pelajar tahun satu dan para fasilitator bagi menjayakan Malam Apresiasi Seni amat menggalakkan."

"Di antara objektif diadakan malam tersebut adalah untuk mencungkil bakat dari segi kebudayaan dan kepimpinan khususnya kepada para pelajar tahun satu semasa mengendalikan malam tersebut dan dari sini

RENCANA UMUM

REMAJA HARUS WASPADA!

- Tan Sri di Dato' Dr. Awang Had Salleh

(Petikan kertas kerja dasar
Tan Sri Seminar Kaunseling dan Kemanusiaan
: Fokus kepada Remaja dan Nilai-nilai
Penghidupan pada Julai 1993 di UPM)

Disusun oleh:
A. FIRDAUS

REMAJA adalah satu tahap dalam kesinambungan penghidupan seseorang individu. Ianya adalah peringkat di mana individu baru meninggalkan alam kanak-kanak tetapi masih belum memasuki alam dewasa. Remaja bukan lagi kanak-kanak. Sesetengah mereka memberontak daripada identiti kanak-kanak menerusi pemisahan diri daripada nilai-nilai yang rata-rata ada kepada kanak-kanak.

Remaja mahu segera menyekutukan diri dengan budaya dewasa. Sebagai remaja mereka mempunyai ciri-ciri penting seperti:-

- * mempunyai idealisme yang tinggi
- oleh yang demikian amat wajar ditemukan dengan idealisme masyarakat Malaysia.

- * amat bertenaga
- oleh itu, amat wajar mereka dilibatkan dengan apresiasi nilai-nilai penghidupan bangsa Malaysia.

Kekuatan tenaga remaja diakui oleh Presiden Soekarno bila beliau berkata:-

"Berikan aku seribu orang tua, aku hanya mampu memindahkan Gunung Mahameru, tetapi berikan aku sepuluh orang muda, aku akan menggoncang seluruh dunia."

Seseorang individu mestilah mempunyai nilai diri yang tinggi. Untuk menjaga nilai diri, remaja hendaklah berdaya maju dengan sentiasa bekerja keras, rajin, optimis dan cemerlang.

Praktis ini meminta remaja antara lain:-

- * tidak boleh lekas mengalah
- * mempunyai cita-

cita untuk memperbaiki diri

- * sentiasa yakinakan diri sendiri dan tidak terlalu bergantung kepada orang lain.

- * menjaga hubungan baik dengan Pencipta

- * harus ada penghayatan nilai-nilai kemanusiaan

Robinson Cruso yang mendarat di sebuah pulau yang tidak berpenghuni menghadapi masalah sebaik sahaja ada orang kedua mendarat di pulau itu. Kebebasan seseorang individu menjadi sempit dan tergugat oleh kehadiran orang lain.

Nilai-nilai penghidupan universallah yang memastikan kesepaduan dan menghindarkan perpecahan atau

disintegrasi sesuatu kelompok manusia dan bangsa.

Satu daripada nilai-nilai itu ialah nilai-nilai kemanusiaan. Jika tinggi nilai kemanusiaan kita maka tinggillah keutamaan kita kepada keadilan masyarakat dalam pengagihan kekayaan negara. Akan tinggi pulalah nilai kepenyayangan kita terhadap manusia lain yang tidak sebaik kita dan juga tinggillah keprihatinan kita terhadap makhluk bukan manusia lainnya.

NILAI NEGATIF

Selain daripada mempunyai dua kelebihan iaitu idealisme yang tinggi dan tenaga yang kuat remaja juga mempunyai nilai-nilai negatif iaitu nilai budaya lepak, nilai suka membaca bahan hiburan dan bahan ringan-ringanan sahaja.

Bangsa Malaysia akan lebih terasa kewujudannya seperti yang disasarkan dua dekad sesudah abad ke-21. Remaja waktu kinilah yang akan menangani bangsa Malaysia tersebut.

APA AKAN TERJADI?

Apalah yang akan terjadi kepada negara

dan bangsa Malaysia nanti bila remaja kini:-

- * tidak berpandangan jauh ke hadapan?

- * tidak memanfaatkan masa mudanya dengan memperlengkap diri dengan ilmu pengetahuan dan dengan kecekapan atau kemahiran yang wajar bagi membangun negara?

- * bersifat pesimis lalu tidak merealisasikan sepenuhnya potensi yang ada pada diri sendiri?

- * tidak cergas memaju diri dengan sikap optimis dan keinginan yang kuat untuk cemerlang dalam setiap apa yang dikerjakan?

- * tidak dapat memerangi sifat-sifat negatif diri seperti bermimpi di siang hari, berpuas hati dengan pencapaian yang cukup makan sahaja, dan tidak mahu memeras otak untuk berfikir dengan serius lalu terceburlah dalam kegiatan yang tidak bermanfaat seperti budaya lepak, pencapaian akademik yang sederhana dan membaca bahan bacaan hiburan dan yang ringan-ringanan sahaja?

- * tidak berpegang kepada agama dan keimanan kepada

Tuhan?

- * tidak mempunyai arah dan hala dalam penghidupan ini lalu membiarkan diri hanyut dalam arus perjalanan waktu tanpa persiapan dan perancangan yang sempurna ke arah pencapaian matlamat hidup diri sendiri?

Dengan kata lain, apalah yang akan terjadi kepada negara dan bangsa Malaysia kelak bila remaja kiri tidak jelas dan komited kepada nilai-nilai penghidupan seperti yang dianjurkan?

Remaja kini akan menjadi anggota bangsa Malaysia seperti yang dipersepsikan oleh Perdana Menteri menerusi Wawasan 2020 yang dikemukakannya. Oleh sebab itu, kaum remaja harus mengetahui, mempelajari, menghayati dan menganuti segala nilai penghidupan yang terkandung di dalam Wawasan 2020 dan Rukunegara.

Remaja juga perlu menggemblengkan diri dan tenaganya ke arah

pengisian visi negara untuk menjadi negara maju yang anggota bangsanya menjadi aset dan bukannya liabiliti kepada masyarakat, bangsa dan negaranya.

Anggota masyarakat Malaysia itu menjadi aset kepada ekonomi dan kemakmuran negara kerana keilmuan, ketrampilan dan kemampuan serta kesungguhan mereka. Pada waktu yang sama, mereka juga prihatin terhadap isu kemanusiaan dan kemasyarakatan. Ketika itu, besarlah kemungkinan tercapainya hasrat untuk memiliki sebuah negara yang makmur dengan rakyat yang sejahtera.

Bagaimanapun, jika remaja tidak terbimbing mereka akan lebih banyak bermimpi di siang hari lalu terikut-ikut dengan teman-teman yang suka membuang masa dengan kegiatan ringan-ringan tanpa haluan dan kehilangan idealisme lantas berpuas hati dengan pencapaian yang sederhana sahaja tanpa kekuatan untuk memajukan diri!

Mutiara Kata

Kita tak perlu bergantung kepada orang lain tetapi kita tetap memerlukan orang lain

KE ARAH PENDIDIKAN CEMERLANG

OLEH: NORAYU ABD. GHANI

Hasrat kerajaan mewujudkan sistem persekolahan satu sesi seluruh negara mencakupi peringkat menengah dan sekolah rendah adalah menarik sekali bersesuaian dengan matlamat kerajaan untuk melahirkan masyarakat berilmu dan penyayang. Melalui sistem ini waktu pembelajaran lebih panjang, lebih banyak ilmu dapat disampaikan dan waktu pelajar berada dalam perhatian guru adalah juga lebih lama.

Bagi ibu bapa yang bekerja, mereka tidak perlu lagi bimbang anak remaja mereka akan membuang masa dengan aktiviti tidak berfaedah selepas

waktu persekolahan seperti sekarang. Ketika ibu bapa pulang dari kerja anak-anak juga pulang dari sekolah, secara tidak langsung ibu bapa dapat bersama-sama dengan anak-anak di sebelah petang untuk sama-sama melakukan aktiviti berfaedah.

Untuk memastikan perancangan ini berjalan lancar seperti yang diharapkan pelbagai aspek perlu dipertimbangkan terutamanya dari segi tenaga pengajar dan kemudahan pembelajaran. Umumnya pada masa kini kebanyakan sekolah terpaksa mengadakan dua sesi persekolahan iaitu pagi dan petang

kerana masalah kekurangan guru dan bilik darjah. Walaupun terdapat kemudahan yang sempurna tetapi tanpa tenaga pengajar yang mencakupi tidak menjamin aktiviti yang dirancang dapat dijalankan.

Masalah kesesakan di sesebuah sekolah bukan semata-mata disebabkan kepadatan penduduk yang tinggi di kawasan itu. Terdapat ibu bapa yang gemar menghantar anak-anak ke sekolah-sekolah yang dianggap ternama dan mempunyai kualiti (standard) yang biasanya terletak jauh dari kediaman masing-masing walaupun terdapat sekolah yang berdekatan.

Fenomena ini memang tidak dapat dielakkan kerana setiap ibu bapa inginkan pendidikan terbaik untuk anak-anak di samping

kemudahan pembelajaran yang mudah diperolehi di bandar. Adalah diakui hampir ke semua sekolah di bandar mempunyai kemudahan yang lebih baik dari sekolah di luar bandar. Inilah salah satu sebab kecenderungan ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah bandar.

Kementrian Pendidikan perlu mengambil langkah segera untuk meyakinkan ibu bapa bahawa sistem pembelajaran adalah

seragam di mana-mana sekolah. Kemudahan-kemudahan untuk aktiviti-aktiviti riadah perlu diberi sokongan dari masa ke semasa.

Dalam sistem ini waktu persekolahan adalah sama dengan waktu pejabat iaitu dari 8 pagi hingga 4.15 petang. Dari itu penyusunan jadual waktu yang terperinci amatlah penting untuk mengeleakkan kebosanan dan keletihan. Pelbagai faktor seperti waktu makan pagi, makan tengah hari, waktu rehat yang mencukupi sesuai dengan peringkat umur dan waktu sembahyang perlu dipertimbangkan dengan sebaiknya ketika menyusun jadual waktu.

Kokurikulum adalah masa paling sesuai untuk menerapkan pelbagai kemahiran sosial kepada pelajar. Dalam waktu ini pelajar perlu diperkenalkan kepada aktiviti-aktiviti yang menyeimbangkan antara sains, teknologi, kemanusiaan dan

kemasyarakatan. Dalam pada itu permainan (sukan), seni dan kreatif serta pembelajaran bahasa asing dapat membantu ke arah melahirkan masyarakat berilmu dan berkejuruan.

Kokurikulum memerlukan satu waktu tersendiri dan lebih baik dari yang ada sekarang untuk memastikan penglibatan pelajar adalah maksimum. Satu pendekatan baru dalam penyampaian pembelajaran perlu diperkenalkan. Pembelajaran dengan bantuan sistem berkomputer adalah kaedah yang masih belum diperluaskan penganalannya. Melalui cara ini bukan saja beban tenaga pengajar dapat diringankan malah amat menjimatkan masa dan pembelajaran dapat dijalankan dalam suasana yang menarik.

Satu perkara yang tidak dapat diabaikan ialah apakah akan terjadi terhadap pendidikan

agama pelajar-pelajar yang selama ini mengikuti persekolahan agama di bawah kelolaan kerajaan masing-masing selepas waktu sekolah biasa. Seperti yang umum maklum sukatan pelajaran agama bagi sekolah rendah mahupun menengah tidak mencukupi dan tidak terperinci seperti sekolah agama. Tidakkah pelaksanaan sistem persekolahan satu sesi akan menyebarkan pertindihan masa dengan persekolahan agama?

Tidak dinafikan untuk menjayakan program ini penglibatan pihak swasta adalah sangat dialu-alukan agar perjalanan program berjalan lancar. Sokongan dari semua pihak dan masyarakat dari segi material dan moral amatlah bermakna untuk menjayakan langkah baik dan bijak ini.

MAHASISWA AKTIF

KAM: MEI-JUN 1994

"RINDU SANG PENCARI"



meredah keperluan mentari



Kelainan cuaca...London



Sanggup...pencari yang setia



di pejabat MB Terengganu



berehat di Gua Musang



kenangan di perantauan...



melayari bahtera rezeki



kesepaduan hati menyelami sebuah beban



Simposium - KAM di USM



perkongsian, sumber alam



pencarian belum terhenti... alam luas sabar menanti

MAHASISWA AKTIF



Usaha dan ketabahan, penentu kejayaan: ekspedisi KUBK



Kepuasan berada di puncak Gunung Tahan



Mencurah bakti untuk anak Kenyalang



Majlis Jasamu Dikenang...Pendorong kecemerlangan



Pemrosesan sagu di Daerah Dalat



Sebahagian pelajar Bachelor Sains (Bioperubatan)



Peserta Kelanasiswa UPM di Bukit Kenyalang



Aktiviti mencabar, pengukuh semangat keluarga Bioperubatan



Cerpen



RE - EVOLUSI

Warna yang sayup melingkari kaki langit sejak tabir senja berlabuh mulai memudar ditelan kesuraman lewat petang. Terbenam sinar matahari siangya seolah menyeka sisa-sisa langit yang melekit dengan garis-garis jingga. Cuma angin sahaja belum berubah. Derunya tetap maju membelah dedaunan dan menggoyangkan rimbunan pohon-pohon sekitar Kota Evolusi. Tersusun teguh dan jelas menjajah langit pekat.

Keluhannya begitu sarat mengandung maksud nan tersirat. Kepala botak dan jambangnya meliar tebal menutupi hujung kolar baju. Sudah lama dia tidak menguruskan dirinya sesempurna dahulu. Pakaiannya cuma kot labuh dengan seluar kain kapas yang sedikit berdebu di hujungnya.

Meja tulisnya telah uzur ditelan zaman. Pena dan buku catatannya tentang alam kehidupan, diari perjalanannya bertulis teori yang dijalinkannya dari pemerhatian di Galapagos. Rentetan hasil kajiannya selama bertahun-tahun yang menemukan jalan buntu, akhirnya terarah pada satu jawapan yang jitu. Apabila pihak gereja menyangkal segala hipotesis datuknya, dia cukup terkilan. Malah ia masih terngiang di telinganya, seperti ia baru sahaja terjadi. Apabila anak buah datuknya yang paling memiliki disiplin intelek menewaskan Bishop Wilberforce dalam satu pertemuan umum di Oxford, beliau menelah teori datuknya sudah mula menjalar segenap pemikiran bangsa Inggeris dan menjadi nadi baru Eropah.

THOMAS HENRY HUXLEY MEMALUKAN GEREJA. DARWIN MENEMUKAN KEJAYAAN TERULUNG SAINS!

Dr. Darwin menelek kembali tajuk utama kecil akhbar tabloid yang

kusam kekuningan datangnya entah dari mana. Barangkali Augustus yang mengeluarkannya dari stor pagi tadi. Ditatapnya lalu bibirnya mengukir senyum menghina. Teori datuknya telah mendorong kebanyakan penghuni dunia menampelak agama. Datuk telah berjaya mengkuar-kacirkan kepercayaan mereka.

Dia menyedut udara laut yang segar lalu mengelanya. Persekitaran kota batu yang terbina dari batu-batu igneus pejal (yang dinamakannya Kota Evolusi) agak suram membelegu pemikiran. Inilah yang dia mahukan. Biar tersisih jauh untuk memikirkan rentetan teori-teori seterusnya bagi menutup kepercayaan beragama.

Sejak The Origin Of Spesies (1859) diterbitkan, datuk gigih sekali mengumpulkan pembaca-pembacanya yang seolah-olah dirasuk dengan untaian konsep evolusinya. Augustus, David Straus dan Fraser (para ilmiawan Barat) 'dibelinya' begitu sahaja dengan mudah. Terima kasih kepada Aristotle yang mengurniakan sedikit asas padanya membiakkannya pengetahuan matter hanya berdasarkan realiti dan menjauhkan konsep ketuhanan daripada persepsi perbincangan. Ini menyebabkan ramai yang menidakkan peranan ketuhanan sebagai rencah kepada realiti. Inilah punca kesesatan ramai ilmiawan muda yang terpengaruh dengan arus kemajuan Barat.

"Tuan, minum petang?" Augustus Comte, begitu berhati-hati menuangkan arak dalam gelas besar di meja tamu.

"Biarkan sahaja di situ Augustus," Dr. Darwin memerintah. Augustus akur lalu mahu berlalu tetapi Dr. Darwin menggamitnya.

"Binatang-binatang itu sudah kau lihat?"

"Sudah tuan! Semuanya sihat-sihat

cuma *Homo erectus* dan *Homo sapiens* berdegil sedikit hari ini bila saya mahu beri makan. *Australophitecus robustus* yang tuai temui di Afrika Selatan dahulu sakit-sakit tetapi tahap kecergasannya tinggi awal petang tadi."

Air muka Dr. Darwin berubah tiba-tiba. "Augustus! Apa yang kau lakukan selama ini. Aku suruh kau biar mereka kebuluran sepanjang hari ini. Pergi kau... ambil balik makanan mereka. Aku mahu kau buat kerja betul-betul, bodoh!"

Augustus dengan wajah penuh ketakutan dan rasa hormat bergegas turun ke anak tangga bilik tanah kota. Sayup-sayup didengarinya teriakan Dr. Darwin menuturkan kata-kata lucu memakinya. Perlahan-lahan dia menelusuri laluan gelap menuju ke sangkar-sangkar kurungan tersembunyi di bahagian bawah Kota Evolusi. Terdapat berpuluh-puluh anak tangga curam yang sempit dan berliku serta lubang-lubang menyukarkan sepanjang perjalanan. Tikus-tikus mongel sebesar kucing bersimpang-siur melompati setiap langkahnya menuruni batu-batu terpelohong yang licin dan kasar-kasar.


"Kunci kembali pintuuuu..!" Suara Dr. Darwin memantul antara dinding pejal, hinggap ke telinganya. Kota Evolusi tak pernah jemu dengan suara itu.

Makin lama makin jauh Augustus memasuki perut kota. Lampu-lampu gasolin yang berderetan mencerahkan suasana dengan cahayanya yang malap. Bunyi-bunyi berdempir yang tidak ketahuan makna semakin jelas kedengaran. Augustus sudah biasa. Lorong yang kecil itu semakin besar dan akhirnya berakhir dengan sebuah bilik yang luas.

Raungan serta jeritan yang mengalutkan bercampur-baur dari sangkar-sangkar

binatang. Makhluks-makhluks yang berupa manusia itu saling bercakaran merebut makanan dalam kandang kecuali seorang menyisihkan diri di pinggir sangkarnya bersendirian.

Augustus mengambil tali cemeti dan merembatnya dari luar pintu kandang. Binatang-binatang itu masing-masing



merangkak ke sudut meninggalkan sisa buah-buahan seolah-olah mengerti. Mereka mampu menggerakkan bibir tetapi bunyi yang keluar bukan bahasa yang difahami.

Augustus puas hati lantas tersenyum meneliti setiap ekor binatang jagaannya. Sesekali dia menjegilkan biji matanya yang memang hampir terkeluar disebabkan faktor pewarisannya. Sambil menyergah sambil ketawa dan terus ketawa dengan bercekek pinggang sehingga dia terpancang *Homo sapiens* di sudut kandang. Renungan tajam darinya memancung luahan tawa Augustus.

Homo sapiens agak berbeza dari binatang yang lain. Tidak seperti *Australophitecus* yang berlembang panjang, berkaki pendek serta berjalan menggunakan lututnya, *Homo sapiens* seperti *Homo erectus* berjalan tegak di atas tumitnya.

Makhluks yang sebenarnya sama dengannya itu masih tidak berganjak bola matanya dari menelan

sekujur wajah Augustus. Mencabar. Augustus bertempik dan dengan sekali libasan, hujung cemetinya mengoyakkan pipi *Homo sapiens*. Makhluks itu tersandar di atas tilam jerami yang busuk hapak dengan urea dan segala macam tinja.

"Kau melawan yaa... rasakan!" Augustus mendengus benci. Kalau tidak Dr. Darwin memerlukan benar spesies ini memang dibunuhnya sahaja.

Homo sapiens mengesat daging pipinya yang terluka. Darah bercucuran bergaul dengan kotoran yang melekat di wajahnya.

bertempur mengutip apa-apa jua yang ditinggalkan oleh Augustus. *Homo sapiens* tersenyum mengeluarkan sebutir epal dari celah bajunya lalu makan di tengah hiruk-pikuk sekeliling. Dia memerhati kunci yang begitu elok terjatuh di atas jerami dari poket seluar Augustus.

Tidak begitu jauh untuk dicapai dengan tangan dari celah-celah jerak besi.

(ii) Kamar itu agak bening dan simbah cahaya bulan menerobos sela-sela tingkap penuh kelembutan. Dia duduk di meja menghisap paipnya dalam-dalam

cucunya akan menerima pemilihan semulajadi sebagai bahan mentah evolusi.

Tanpa pemilihan semulajadi, evolusi tidak akan berlaku. Pewaris yang mempunyai variasi sesuai akan terus hidup dan yang tidak, tersingkir, lalu matilah generasinya.

Tiba-tiba terdengar satu ketukan di pintu.

"Tuan!" Augustus menengok menampakan wajahnya. Dia berasa agak berang juga dendaan tingkah laku Augustus kebelakangan ini.

"Ya... ada apa?" Dr. Darwin memerhati Augustus yang tercegat seperti orang dungu.

"Saya mahu tidur... kerja semua saya sudah selesaikan."

"Pergilah...!" Dr. Darwin merengus. "Augustus... tutup pintu itu!", dia terpaksa mengingatkan si dungu itu lagi sebelum dia pergi.

Dr. Darwin menyelesaikan pembacaan suratnya secepat mungkin. Dia mahu turun ke bawah kota untuk memastikan kerja Augustus beres. Surat yang telah sedikit carik itu dimasukkannya ke dalam sampul. Esok Augustus akan disuruhnya menyimpan kembali barang-barang ini.

Semasa menuruni tangga menuju ke bawah tanah, fikirannya begitu lega. Eksperimennya kali ini pasti mengejutkan orang ramai. Pasti menjadi bahan bualan sedunia. Namanya akan terkenal dan terpahat erat sebagai saintis terkemuka dan tiada tolok bandingnya. Usahanya mengaktifkan kembali sperma manusia purba yang beku di dalam ais yang ditemuinya di kawasan tundra Kanada, mencantumkan telurnya dan menanamlanya ke dalam rahim spesies *Homo sapiens* sungguh berhasil. Dia telah mengorbankan ramai wanita untuk tujuan itu dan kali ini sperma terakhir akan menentukan baka penemuannya yang penghabisan. Dia menjangkakan sperma seterusnya dari *Ramapithecus* menyerupai fosil yang dijumpai di India pada tahun 1932, yang dianggap sebagai nenek

dan kepulan asap putih menerawang keluar dari mulutnya beberapa kali. Pandangannya jauh sekali melewati dunia dari kamar sekecil itu. Buku-buku, helaian catatan, rajah-rajah dan tulang-tulang haiwan berserakan di atas meja tulis tempat ia mentelaah. Senyumnya terukir setiap kali renungannya singhah pada gambar datuknya.

"Tetapi aku percaya pada pemilihan semulajadi, bukan kerana aku mampu membuktikannya dalam sebarang kes tertentu bahawa ia telah mengubah satu spesies kepada spesies lainnya, tetapi kerana ia mengumpulkan, dan menjelaskan dengan baik; pada pandangananku, begitu banyak fakta klasifikasi, embriologi, morfologi, organ rudimenter dan..."

Dr. Darwin terus membaca isi surat dari datuknya yang masih disimpannya. Datuk yakin cucunya akan mengerti kepercayaan terhadap keagungan teori ciptaannya untuk menjelaskan asal kehidupan. Dia yakin

noyang manusia oleh Pilbeam, Simons dan ahli evolusi yang lain selepas datuknya.

Yang penting dia mahu membangkitkan semula keraguan baru terhadap agama, lebih-lebih lagi Islam. Dia mahu menentang ketuhanan seperti datuknya, berjuang atas dasar kebenaran logik dan saintifik!

Nyata makhluk-makhluk itu masih belum tidur. Lantang sekali suara-suara tidak tentu butirnya menyerang gegendang telinga apabila dia mampir ke kandang tersebut. Mereka menerjang pintu kandang, bergomolan sesama sendiri dan ada juga yang memanjat jerjak besi yang bergerigi. Dia mencari-cari *Homo sapiens* yang diletakkannya sekali bersama-sama makhluk-makhluk itu. Tujuannya biarlah pergaulan seks mereka akan membiakkan baka baru bagi penyelidikannya. Gadis muda yang cantik seperti *Homo sapiens* tentu bakal melahirkan baka yang sihat lagi cergas.

Dia mengambil cemeti lalu melibaskan binatang-binatang itu dari luar. Tidak berani dia masuk ke dalam. Setelah mereka bubar barulah dia dapat melihat suasana dalam kandang dengan terang. Hampa sekali hatinya melihat gadis itu terbaring tenang dengan selimut menutupi badannya di sangkar. Rambutnya yang panjang mengurai terjuntai sebalik jerami yang berlumuran tahi.

Dengan rasa kesal Dr. Darwin menghempas tali cemeti lalu berlari menuju ke biliknya. Pantas kakinya menjejak anak tangga, gerombolan binatang-binatang itu terus menjerit-jerit kemarahan dan menendang-nendang pintu kandang.

Melangkah masuk ke kamarnya dengan hati yang rusuh, minda Dr. Darwin seperti tenggelam dalam pelbagai persoalan. Punggunya dilabuhkan ke kerusi - dengan sengaja tidak dibukanya suis lampu dengan harapan kegelapan itu dapat membunuh keresahan hatinya. Apa yang akan terjadi jika interaksi antara spesies yang diharapkan berlaku itu tidak berlaku. Kenapa binatang-binatang itu menyisihkan dairi dari

Homo sapiens? Bukankah dia cukup jelita, malah lebih bersih dari mereka.

Perlahan-lahan Dr. Darwin rebah dan bungkam di kerusi. Dituangnya sedikit arak membasahi anak tekaknya. Fikirannya melayang jauh menengangkan segala perbelanjaan dan kerugian. Bukan mudah mengumpul dan mengestrak sperma-sperma yang tersimpan dalam kebuk khas anti deaktif di makmalnya. Mengembara jauh ke hujung dunia memecah sampel-sampel ais bersama rakan-rakan (yang kemudian dibunuhnya). Dia juga yang memanjat jerjak besi yang bergerigi. Dia mencari-cari *Homo sapiens* yang diletakkannya sekali bersama-sama makhluk-makhluk itu. Tujuannya biarlah pergaulan seks mereka akan membiakkan baka baru bagi penyelidikannya. Gadis muda yang cantik seperti *Homo sapiens* tentu bakal melahirkan baka yang sihat lagi cergas.

Gelas demi gelas sarak meluncur laju mengisi perutnya, membasahi janggut dan tumpah ke lantai kota. Tergambar oleh kerangka akalnya keadaan majlis penganugerahan besar-besaran. Para hadirin terdiri dari pemimpin ternama dunia, ahli-ahli sains terkemuka, warga korporat yang dahulunya sukar sekali bekerjasama menghulur bantuan kewangan untuk projeknya bertepuk tangan sebaik sahaja namanya diumumkan. Itu dia Profesor Henry Lipson - Fellow Royal Society. Itu ibu. Lihatlah betapa bangganya ibu melihatku. Oh ibu... masih cantik seperti dahulu. Ayah yang bertahun mencari kebenaran teori datuk juga sedang rancak berbual dengan profesor-profesor, sesekali menjeling padaku. Seketika kuperhatikan para profesor memandangkan kembali setelah mendengar sesuatu dari ayah. Pandangan takjub penuh kekaguman.

Aku mendabik dada sekeliling majlis. Eh... siapakah... di belakang tirai? Dengan rambut panjang mengurai. Bau apakah ini? Seperti... seperti...

Dr. Darwin bingkas. Tertegun. Langkahnya diundur beberapa tapak. Tersepak botol araknya lalu jatuh pecah berderai. "Kau...? Matanya

terbelalak. *Homo sapiens*. Gadis itu!

Homo sapiens menyoroti dirinya dengan mata yang tunak kejam. Di tangan gadis itu terenggam kukuh tali cemeti yang bertitisan darah di penghujungnya. Bagaimana dia boleh berada dalam bilik ini?

"Augustuuuuussss... Augustuuuus... bodooohh. Cepattt..!" Teriak Dr. Darwin sekuat hati. Laungannya mengimbau pantul-memantul.

"Kau hanya membuang masa... dia telah kubunuh!" Gadis itu mematikan jeritannya. Wajahnya mulai timbul bintik-bintik peluh. Dia cuba menahan gementar. Ahh... seorang gadis cuma.. masakan aku takut. Ada calar sedikit di wajahnya dengan kesan-kesan hitam.

Gadis itu menyuruhnya duduk dan bertenang. katanya mahu berbicara sebentar sebelum dia mati. Dr. Darwin terpaksa menurut. Raut rupa gadis itu begitu lembut bercahaya dan isi suaranya penuh bijaksana. Di mana agaknya Augustus menculik spesies *Homo sapiens* ini?

"Aku tahu evolusionis tidak menerima kuasa Tuhan. Anggapanmu dunia wujud atas dasar peluang dan keperluan,

saintifik sekiranya kau kira penemuan kau ini tidak boleh dipertikai. Evolusi adalah kesilapan terbesar manusia." Si gadis menarik nafas panjang.

"Semua bahan bermula dari satu bahan dan berevolusi. Bukannya dari Tuhan! Pemilihan semulajadi dan mutasi berlaku menghasilkan spesies-spesies baru sejak dari kemunculan protenoid berbilion tahun dulu dan ia mengalami perubahan variasi sehinggakan reptilia, amfibia malah manusia kini berasal darinya," terang doktor.

"Lalu sampai bila evolusi akan berlaku...?" nadanya cukup tajam.

"Evolusi tiada titik noktahnya sehingga makhluk yang paling sempurna terhasil, tegasnya penuh keyakinan. Si gadis tersenyum.

"Kalau begitu bukankah kita yang merupakan sebahagian dari proses evolusi itu sendiri tidak layak memperkatakan tentang evolusi. Kalau mengikut teori itu, manusia berasal dari beruk dan selepas manusia tentu akan wujud pelbagai lagi spesies yang lebih menakutkan dari manusia dari segi turutan evolusinya. Mana dia?" Bentak si gadis.

"Justeru itu aku melakukan eksperimen ini. Aku mahu mengesan

berada di sini untuk menyaksikannya. Bukti paleontologi tentang *Archaeopteryx* dan *Galeopithecus*...?" Dr. Darwin rasa sedikit terhina lantas memberontak.

"Maksudmu haiwan fosil yang menjadi perantara reptilia dan burung itu? Biar kukutip kata ahli paleontologis terkenal dunia, Eldredge dan Gould:

Dalam dekad terakhir ini, ahli geologi menjumpai lapisan batubatan dari semua divisi sejak 500 milion tahun dahulu dan tidak menjumpai sebarang bentuk organisma intermediate.

Status *Archaeopteryx* bukan secara universal diterima ahli biologi."

Melibatkan Dr. Darwin terdiam si gadis meneruskan:

"Kajian biologi molekul membuktikan semua organisma hidup mempunyai struktur asas tubuh yang sama. Sel bakteria dan manusia mempunyai kod genetik dan mekanisme penterjemahan yang sama. Jadi mana mungkin wujud pre-sel atau sel primitif atau proteinoid ciptaan teori evolusi. Sir Francis Crick - pemenang Hadiah Nobel kerana menemukan kod genetik - sendiri menyatakan evolusi sel adalah masalah utama memahami permulaan kehidupan."

"Tidakkkkkkk...!" "Mengikut hukum Termodinamik Kedua, keadaan dan kompleksitas satu sistem semulajadi akan berturutan lalu berkurang sehingga wujud daya luaran untuk mengubah balik proses tersebut. Dari pandangan saintifik, tiada wujud daya luaran ke atas material di alam setakat ini, jadi tidak mungkin berlaku perkembangan progresif pada skala global. Tetapi evolusi menyatakan sebaliknya. Dari pre-sel

berkembang menjadi berkuasa seperti manusia! Mungkinkah sains sendiri bertentangan?"

Dr. Darwin mulai resah. Dia tidak dapat menolak hujah berkenaan. Dia melirik ke arah muka pintu. Dia harus lari dari gadis gila yang pintar ini. Sial sungguh Augustus! Tidak adakah gadis bodoh lain...

Dr. Darwin masuk meninjau ke dalam kandang dengan perasaan terkejut. Bau tengik dan busuk menjauh-nujah lubang hidung dari seluruh penjuru. Jerami-jerami bersepah penuh lekit dengan sisa-sisa tinja, karot, epal dan air kencing. Begitu jijik sekali sehingga hampir dia meluahkan segala isi perutnya.

Dr. Darwin mengintai peluangnya. Selekas itu dia berlari keluar dari bilik lantas mengunci pintu apabila si gadis terleka. Tanpa menghiraukan jeritan si gadis dia menuju ke pintu kota. Malangnya pintu sudah tidak boleh berfungsi. Sesuatu telah merosakkan litar elektriknya.

"Licik sungguh si gadis...." rungutnya sendirian. Tidak ada jalan lain. Hanya pintu keluar kecemasan di bawah tanah. Tetapi dia terpaksa melalui kandang binatang-binatang itu. Persetankan.

Sejurus dengan langkah deras dan hati yang panik dia meluru. Biarpun gentar dengan apa yang bakal dihadapi. Setibanya di situ pintu kandang terbuka luas. Tidak ada seekor pun genus *Homo* peliharaannya yang tinggal.

Dr. Darwin mengesan sekumpulan sasquatch (bigfoot) yang dilaporkan terserempak oleh seorang budak di kawasan pergunungan di Amerika Utara baru-baru ini. Usaha sedang giat dijalankan untuk memastikan bahawa perkara ini boleh diselidiki - Washington Post.



**"Darwin... Darwin...
Kau tak ubah seperti
datukmu, malah kau
lebih hebat melanggar
hukum ketentuan
Tuhan"**

jukan kehendak sesuatu yang tak terbatas melampaui kemampuan berfikir manusia."

"Data-data sains yang kuperolehi ini sudah cukup untuk menamatkan spekulasi itu. Dan kau salahsatu daripadanya..."

"Darwin... Darwin... kau tak ubah seperti datukmu. Malah kau lebih hebat melanggar hukum ketentuan Tuhan. Aku punya sangkalan

rangkai perubahan genetik yang terjadi sepanjang evolusi itu berlaku."

Darwin...mutasi genetik mengambil masa sekurang-kurangnya 10000000 tahun untuk merebak dalam sesuatu populasi. Apakah kau sebegitu bodoh untuk menantinya!," herdik si gadis.

"Aku tahu! Biarlah mereka membiak dan menakluk dunia ini dan aku tidak perlu

NAMA : KHAIRUL HAZMAN B. OTHMAN
PROGRAM : BACELOR SAINS DENGAN PENDIDIKAN (KEPUJIAN)
TAHUN : 1
ALAMAT : 011, BLOK KERANJI, KOLEJ KEDIAMAN KEENAM, UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA (SERDANG), 43400 SERDANG, SELANGOR DARUL EHSAN.

Puisi



BARA API DAN MUTIARA

(Khas buat ELLA)
Oleh: Siti Aidah Rosli

Sahabat,
Di tanganku masih tergegang
Seketul bara api, hampir padam
Yang pernah kau letakkan
Di telapak tanganku suatu ketika dulu
Panas dan merah membara
Kau suruh aku menggenggamnya dengan erat
Katamu ia akan menjadi sebutir mutiara
Yang cantik dan bersinar
Lalu kulakukan...seketika cuma
Kurasakan ia terlalu panas
Sahabat,
Aku gagal menjadikannya sebutir mutiara
Kini ia hampir padam
Lantas kau suruh aku meniupnya
Agar ia membara semula
Katamu aku harus tahan menghadapi
Keperitan dan kepanasan bara api itu
Agar akhirnya aku akan mendapat
Sebutir mutiara yang berkilau.

SULAMAN IRAMA

di sebalik mimpi
mentari mengukir senyuman
menambah seri roman
menyuluh seribu jalan

di sebalik ombak laut
bebuih menghantar salam
menggamit rindu
agar langkah menjadi panjang

lagu alam bernafas
mencipta dunia yang indah
medan anak-anak bermain
memancar ceria seribu wajah

m. habib
12.4.94

UNIPERTAMAKU

(UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA)

U.P.M;
Ketenangan wajahmu,
Menggambarkan keimananmu.

Kehijauan bumimu,
Melambangkan keikhlasan budimu;

Kejernihan air tasikmu,
Melambangkan kesucian hatimu;

Kilauan cahaya di malam hari,
Melambangkan lagi sifat ceria

dan ramahmu;

U.P.M;
Aku bangga memiliki dirimu,
"Adakah kau juga begitu?..."
Bangga memiliki aku...

SHIMA ITA;
FAKULTI EKOLOGI MANUSIA, U.P.M

KELOPAK IMAN YANG TERKULAI

Terkulai sudah kelopak imanku
yang mekarnya cuma sesekali
harum seperti kasturi
mempamer warna-warni
membakar hati yang iri

Berkali-kali aku cuba
mempertahankan keindahan ini
kiranya gugur jua
seperti gugurnya busana
Adam dan Hawa
akibat nafsu serakah
iblis tertawa berdekeh
tewas lagikah aku kali ini?

Tuhan, ternyata payah sekali
untuk kupertahankan
kembang yang satu ini

Dan akhirnya
ketika imanku mula terkulai
baru sedarku menggenggam insaf
tetapi segalanya terlambat sudah
cantasan nestapa dari segala dosa
membuatku parah dan patah

Lewat semilir malam menggigit sukma
kuhadapkan pada-Nya segala kekhilafanku
bersama kelopak iman yang terkulai

NOR HAIRULNIZAM WAHID
MEI 1994



CABARAN '94

7hb. Mei 94 telah menyaksikan 38 siswa dan siswi UPM dari kolej-kolej kediaman (KK) Cikgu Rashid, KK3, KK4, KK5 dan Pendita Zaaba di bawah naungan Sekretariat Rekreasi KK3 berdiri megah di atas Gunung Tahan, 7174 kaki di atas paras laut dan merupakan gunung tertinggi dan paling mencabar di Semenanjung Malaysia.

Kejayaan mereka bermula dengan satu siri perjumpaan dan latihan-latihan fizikal di sekitar kampus UPM dan mereka bertolak ke Kuala Tahan pada 30hb. April melalui perjalanan keretapi ke Jerantut dengan diikuti pula oleh perjalanan bot dari Kuala Tembeling sebelum tiba di Base Camp iaitu Kuala Tahan. Segala permohonan permit dan pendaftaran telah pun diatur dan dibereskan di Kuala Tembeling melalui Pejabat Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan). Mereka bermalam di Kuala Tahan pada 1hb.

Mei dan memulakan perjalanan ekspedisi pada 2hb. Mei dengan menjadikan Kem Melantai sebagai tapak perkhemahan pertama.

Para peserta telah "dihadapkan" kepada pelbagai jenis cabaran seperti berhadapan dengan Sang Gajah dan Sang Beruang serta mengalami kecederaan ringan di tapak kaki, lutut, kejang otot dan juga demam. Namun keberanian dan kecekalan yang ditunjukkan oleh para peserta benar-benar telah memeranjatkan dan menambat hati "BROTHER" - seorang pegawai pasukan keselamatan negara yang menjadi ketua jurupandu arah dan "bodyguard" sepanjang ekspedisi ini. Menurut BROTHER, para peserta ini memang layak untuk menjalani kursus asas pemilihan memasuki salah satu unit gerak khas ataupun komando di negara kita ini!! Elemen-elemen alam seperti hujan lebat, sejuk, kabus tebal, mendaki tidak kurang 30

buah bukit seperti Bukit Melantai, Bukit Malang, Bukit Jerman, Bukit Botak, Bukit Buloh dsbnya yang tidak mempunyai bekalan air, menyeberangi Sungai Tahan sebanyak 6 kali dan Sungai Peleting sekali yang mana paras airnya kerap berubah dan berarus kuat. Di sinilah kebanyakan peserta telah mengalami kecederaan di tapak kaki akibat gangguan "ulat air".

Di samping itu juga, para peserta telah didedahkan dengan cabaran Banjaran Tahan yang terdiri daripada Gunung-gunung Kem Wray, Gunung Pankin, Gunung Tangga 15, Gunung Rerskit, Gunung Tangga 12, Gunung Gedung dan Gunung Berapit yang memerlukan ketabahan melalui "rope dan rock climbingnya". Dan segala kesakitan keresahan dan keletihan yang mereka alami semuanya terubat apabila berada di permatang Gunung Gedung kerana di situ lah terdapatnya satu

pemandangan yang tidak mungkin dapat dilupakan oleh setiap pendaki! Mujurlah dengan bantuan 2 jurupandu arah berpengalaman iaitu PAK CU dan ABANG MAT BUDIMAN serta 4 rakan BROTHER dari USM telah banyak membantu peserta berjaya menawan segala cabaran yang mengelilingi rentis ke puncak Gunung Tahan. Mereka begitu bermurah hati untuk "meminjamkan" peralatan, tenaga dan

bermalam di luar khemah di Kem Padang (Yang terletak kira-kira 6,800 kaki di atas paras laut dan kira-kira 3 jam perjalanan ke puncak Gunung Tahan) kerana meminjamkan khemah mereka kepada 3 peserta siswi yang kurang sihat ketika itu. Bayangkanlah... keadaannya tidur di atas simen tanpa selimut dengan suhu lebih kurang 10 darjah selsius! Perjalanan balik ke Base Camp Kuala Tahan telah menyaksikan sebilangan besar

dan lampu picit. Ekspidisi ini telah diakhiri dengan lawatan-lawatan ke canopy walkway, iaitu meniti jambatan gantung. Sekolah Kebangsaan Kuala Tahan, Perpustakaan Perhilitan dan berhanyut di Sungai Tembeling menggunakan jaket keselamatan serta satu jamuan makan malam/BBQ di tepi Sungai Tembeling dengan kerjasama Ahli-ahli Persatuan Pemandu Pelancong Taman Negara. Dari "feedback" yang diterima dari para

kedatangan era yang penuh dengan stress dan komitmennya.

Akhir kata...semua para peserta ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia TNC (HEP) UPM Prof Dr Rahim Sail, Yang Berbahagia Pengetua Kolej Kediaman Ketiga Dr Idris Abdol, Penguasa Taman Negara En *hmad Shamsuddin, kedua-dua juru-pandu arah Pak Cu dan Abang Mat Budiman, 4 sahabat baru dari USM, pegawai-pegawai Perhilitan En Yatim dan En Ahmad Selat, rakan-rakan KK3 iaitu saudara Pat, Mat Pink, Sedi dan Celabye dan juga rakan-rakan dari Persatuan Pemandu Pelancong Taman Negara iaitu saudara-saudara Beh, Resak, Mat Deris, Rosdan, Saadon, Tukul, Razak dan mereka-mereka yang turut membantu menjayakan ekspedisi yang julung-julung kali melibatkan penyertaan siswa dan siswi dari kolej-kolej kediaman UPM.

"... We conquer not the mountain... but ourselves with our strength, spirit and determination."

Sir Edmund Hillary
Mount Everest



Gunung Tahan...Keindahan memukau

pengalaman yang ada untuk memastikan setiap peserta selamat bergerak dan balik ke Base Camp Kuala Tahan. Ini terbukti apabila BROTHER, PAK CU dan ABANG MAT BUDIMAN terpaksa

peserta berjalan dalam kegelapan ketika sampai ke tapak-tapak perkhemahan di Kem Kuala Teku dan Base Camp Kuala Tahan dengan hanya bertemankan rakan-rakan, jurupandu arah

peserta, ekspedisi telah berjaya mendedahkan mereka kepada cabaran-cabaran: the real jungle" dan sekaligus telah menguatkan daya ketahanan mental, fizikal dan spiritual peserta untuk terus menghadapi

MAHASISWA AKTIF

KEM CABARAN DARAT DAN AIR

Oleh
Siti Aida Rosli

Kem Cabaran Darat dan Air menguji kemampuan mahasiswa Pandu Puteri mengenal erti "survival."

Sehubungan dengan itu seramai 13 orang ahli Persatuan Pandu Puteri Universiti Pertanian Malaysia (PPPUPM) telah mengikuti aktiviti 'Kem Cabaran Darat dan Air Pandu Puteri II' bertempat di kawasan rekreasi Pasir Panjang, Port Dickson baru-baru ini.

Aktiviti ini dirancang atas rasional untuk menguji kefahaman dan kecekapan ahli-ahli PPPUPM mengenai pelajaran dan aktiviti yang telah mereka lalui sepanjang semester.

Menurut pengarah aktiviti, **Sanisah Senik**, berikutan dengan pengkreditan Pandu Puteri, pengujian latihan survival ini penting bagi memantapkan kursus aktiviti PPPUPM, menguji dan menambah kefahaman serta kecekapan pelajar dalam mengaplikasikan teori-teori yang diperolehi sepanjang semester.

"Kemampuan mereka terserlah melalui aktiviti pengembaraan dan perkhemahan yang merangkumi kemahiran menggunakan alat pengembaraan seperti membuat pelbagai gejet serta isyarat perhubungan dan mengenal erti survival

dalam perkhemahan di dalam pelbagai keadaan". Katanya lagi yang kini mengikuti program Diploma Pertanian (tahun 1).

Menurutnya lagi melalui aktiviti seperti berkayak dan perkhemahan 'solo' dan berpatroli dapat mendekati peserta untuk lebih memahami cabaran alam darat dan air.

Seorang peserta, Rafidah Suradi berkata, "Antara yang mencabar ialah aktiviti berkayak di mana peserta perlu memahami persefahaman dan keyakinan diri yang tinggi bagi menempuh halangan untuk sampai

ke destinasi yang ditetapkan".

"Ketahanan diri dan nilai-nilai baik dapat dibina melalui cabaran-cabaran yang terpaksa dilalui, seperti aktiviti abseiling, merempuh halangan, mengembara menggunakan kompas, peta dan bahasa isyarat dan perkhemahan secara bersendirian dengan bekalan yang terhad," tambahnya lagi yang berpuas hati telah dilalui.

Aktiviti ini mendapat khidmat jurulatih daripada Kelab Outward Bounders UPM.

MEDEKATI KHAZANAH ALAM DI TAMAN NEGARA

Bertempat di Taman Negara, Pahang Darul Makmur baru-baru ini suatu ekspedisi telah dijalankan oleh Persatuan Mahasiswa Fakulti Kedokteran Veterinar dan Sains Penternakan yang terdiri dari 40 orang pelajar tahun pertama program Kedokteran Veterinar.

Program selama empat hari ini bertujuan

untuk mengukuhkan ikatan silaturahmi sesama ahli di samping membentuk personaliti, keupayaan memimpin dan kemahiran berorganisasi di dalam diri peserta.

Selain itu, sejajar dengan kursus Kedokteran Veterinar dan kehendak pengajian fakulti, peserta telah didedahkan terhadap

keindahan alam sekitar dan melihat keajaiban flora dan fauna sebagai aset kepada warisan alam semulajadi.

Dengan bantuan empat orang pegawai pengiring, beberapa aktiviti yang bersifat latihan rekreasi diadakan di samping bertujuan menguji ketahanan mental dan fizikal,

kekwibawaan serta keyakinan peserta.

Mereka juga berpeluang untuk mengkaji hidupan liar secara lebih dekat dengan bantuan Dr. M. K. Vidyadaran malah turut menjalani aktiviti lasak seperti tracking di Lata Berkoh dan Gua Telinga.

KURSUS KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN

Oleh
Ahmad Supian Abdullah

Baru-baru ini Majlis Tertinggi Pelajar Kolej Pendita Zaaba telah mengadakan Kursus Kepimpinan dan Pengurusan bertempat di Pulau Perhentian, Terengganu.


Seramai 34 orang pelajar menyertai kursus ini dan turut serta adalah pengetua, pengurus serta ahli asrama sebagai fasilitator.

Kursus ini diadakan bertujuan untuk menerapkan etika kepimpinan dan

pengurusan serta mendedahkan kepada para pelajar tentang tanggungjawab sebagai seorang ahli Majlis Tertinggi Pelajar.

Menurut pengarah program ini, Saudari Zaiton Samad, Pulau Perhentian dipilih sebagai tempat berkursus kerana suasana di sana lebih mencabar dan sesuai untuk menerapkan ciri-ciri kepimpinan pada diri peserta.

Antara aktiviti yang




Mencabar...cuba menerapkan ciri kepimpinan

dijalankan adalah seperti qiamullail dan ceramah, riadah, menjelajah sekitar pulau.

PROJEK ANAK ANGKAT PBSMM

Oleh: Murniyati Zainal



Peserta sedang khusyuk mendengar ceramah

Sebagai mahasiswa yang prihatin terhadap perhubungan dengan masyarakat luar terutama pelajar-pelajar, PBSMM DK UPM telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan projek anak angkat yang telah disertai oleh pelajar-pelajar daripada sekolah-sekolah menengah negeri Selangor.

Projek yang diadakan daripada 29 April — 1 Mei 1994 anjuran PBSMM DK UPM bersama cawangan Selangor bertempat di Bukit Ekspo ini dihadiri oleh pelajar-pelajar tingkatan (3,4,5) yang melibatkan tujuh buah daerah di negeri Selangor. Projek ini telah dirasmikan oleh Prof. Dr. Rahim Sail, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UPM.

Antara objektif projek ini ialah mewujudkan semangat setiakawan antara ahli-ahli PBSMM di samping mempertingkatkan semangat kerjasama

serta menonjolkan imej persatuan yang berdisiplin. Seterusnya dapat melahirkan ahli PBSMM yang peka dan prihatin terhadap masyarakat yang sentiasa memerlukan bantuan dan pertolongan.

Aktiviti yang disertai oleh PBSMM peringkat sekolah ini lebih menekankan kepada interaksi sesama ahli, latihan asas yang menguji kecerdasan mental dan fizikal serta pendedahan kepada ceramah bercorak akademik, agama dan sosial. Antaranya ialah ceramah agama oleh Ustaz Daud Norakid dari Fakulti Pendidikan UPM, ceramah teknik belajar oleh En. Hassan Jamil, pegawai bahagian HEP. Manakala Dr. Nordin Kardi memberikan ceramah Wawasan 2020 dan penasihat PBSMM DK UPM selaku pengerusi projek memberi ceramah bertajuk 'Disiplin dalam pakaian beruniform'. Ia

juga turut dibantu oleh jurulatih-jurulatih yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi UPM dalam mengendalikan aktiviti tidak formal.

"Peserta projek ini amat bertuah kerana dapat menyertai aktiviti yang dijalankan oleh mahasiswa di samping dapat menimba pengalaman dan ilmu pengetahuan daripada kakak dan abang seterusnya dapat mengetahui cara belajar hingga berjaya ke menara gading. Pelajar sekolah sekarang bakal memimpin masa hadapan terutama untuk menajayakan dan m e l e n g k a p k a n Wawasan 2020," kata Dato' Khalid bin Mohd. Yunus, Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi semasa berucap di majlis penutup projek anak angkat di Bukit Ekspo.

MINGGU SUAIKENAL UPM CT

Pusat Perikanan dan Sains Samudera UPM Cawangan Terengganu akan mengadakan Minggu Suaikenal Mesra baru-baru ini.

Program ini diadakan bertujuan untuk memperkenalkan kepada pelajar baru tentang suasana kampus, mengeratkan lagi ikatan silaturahmi

dan mewujudkan suasana harmoni di kalangan pelajar baru dan lama.


Pengarah program ini Saudara Mohd. Zamri Wahab berkata program sebegini amatlah penting agar pelajar-pelajar baru dapat memahami dengan jelas kehidupan sebenar sebagai warga kampus

serta peranan mereka kepada kolej, universiti dan seterusnya negara.

Sepanjang program ini beberapa aktiviti telah dirancang seperti taklimat pusat dan akademik, ceramah, latihan dalam kumpulan, gotong-royong, sukan dan orientasi laut.

MAKLUMAT

MASYARAKAT 'CYBERSPACE'



Celik Maklumat

Bersama Hasani Hassan

Teknologi maklumat berkembang dengan pesat sekali. Maklumat yang berada di sebelah dunia yang satu lagi kini mampu berada di skrin komputer anda hanya beberapa saat setelah anda memasukkan beberapa perkataan arahan. Bayangkan anda boleh berkomunikasi, berbincang dan menyalin data seorang kawan anda di California, London, Tokyo atau hampir mana-mana sahaja di dalam dunia ini seolah-olah mereka berada di bilik sebelah.

Inilah yang dikatakan 'cyberspace' manakala pengguna-pengguna kemudahan yang membawa kepada kewujudan 'alam' ini dikenali sebagai masyarakat 'cyberspace'.

Cyberspace sebenar istilah yang telah digunakan untuk menjelaskan satu ruang komunikasi yang melibatkan pengguna berkomunikasi menerusi terminal mahupun komputer peribadi menerusi satu jaringan raksasa yang menjalinkan lebih 10 juta manusia serata muka bumi ini. Jaringan ini dikenali dengan nama internet.

Internet adalah satu jaringan antarabangsa antara jaringan-jaringan kebangsaan (*international network of networks*). Cabang tunggal Internet di Malaysia dikendalikan oleh Mimos (*The Malaysian Institute of Microelectronic Sys-*

tems) dan namakan JARING (*Joint Advanced Research Intergrated Networking*).

JARING adalah salah satu daripada 39,000 jaringan kerja di seluruh dunia yang terdiri daripada 2 juta komputer host di 52 buah negara. Kebanyakan jaringan kerja ini berada di Amerika Syarikat, iaitu tempat kelahirannya.

Malaysia memasuki era *cyberspace* pada lewat 80-an, lebih 20 tahun setelah konsep awal internet diterokai. Namun di negara ini, penyertaan rakyat Malaysia masih kurang. Menurut Mimos, sehingga kini terdapat lebih kurang 300 pelanggan yang menggunakan jaringan ini yang terdiri daripada universiti, institusi penyelidikan, kolej swasta, jabatan kerajaan dan individu. Daripada jumlah ini dianggarkan terdapat lebih 750 pengguna tempatan. Kadar ini dikatakan bertambah 20 peratus sebulan. UPM dikenali sebagai ahli berlanggan dengan Mimos dan beberapa jabatan sedang dan akan menjalankan ia ke jaringan kerja tempatan (*Local Area Networks - LAN*) serta memperkenalkan kepada pensyarah-pensyarah dan pelajar.

Menerusi Internet (dan Jaringan di Malaysia) anda mampu berhubung ke serata dunia dengan kos

panggilan telefon tempatan ataupun ke nod berhampiran anda. Ketua pengarah Mimos, Dr. Mohamed Awang Lah memberitahu bahawa nod-nod telah dipasang ke seluruh Malaysia iaitu di Kuantan, Kuala Terengganu, Kota Bharu, Melaka, Johor Bahru, Ipoh, Pulau Pinang, Alor Setar, Kota Kinabalu, dan Kuching. Nod-nod ini dihubungkan ke nod utama di ibu pejabat Mimos di Kuala Lumpur dan seterusnya dijalinan ke National Science Foundation Network (NSFNet) di Amerika Syarikat yang merupakan nadi Internet menerusi satelit.

Terdapat pelbagai aktiviti yang dapat dilakukan menerusi Internet ini. Seseorang mungkin akan ketagih apabila terkena bahayanya. Kita akan dihidangkan dengan pelbagai maklumat yang menarik (*tidak terkecuali yang membosankan*). Daripada penggunaan asas seperti e-mail hinggalah kepada ftp (file transfer protokol), gopher, archie, veronika dan telnet.

Menerusi e-mail contohnya, anda dapat mengirimi surat atau sebarang bentuk perasaran kepada kawan anda di USM, IIM, UCLA, Oxford atau di mana-mana sahaja. Malah anda mampu untuk mengedarkan kepada semua pengguna di Malaysia mahupun seluruh dunia. Dan ini semua

berlaku hanya dalam beberapa saat dan berada sejauh beberapa tekanan kekunci dari anda. Esoknya, anda sudah menerima jawapan daripada kawan tersebut. Rumah Putih di Washington D. C. turut menjalinkan komputer mereka ke Internet. Kawan saya di ITM Dungun, Terengganu telah pun mengutuskan satu e-mail kepada Presiden Bill Clinton menerusi komputernya berhubung isu Bosnia. (*Saya tidak fikir Rumah Putih akan melayan e-mail seperti itu!*)

Sememangnya anda juga boleh berkongsi masa dengan mereka yang sedang berada beribu-ribu kilometer dari untuk berbual menerusi monitor anda (*melalui teks yang ditaip*) dan mendapat balasan pada masa itu juga seperti anda bersembang di warung kopi.

Anda boleh menyertai kumpulan-kumpulan tertentu berdasarkan minat yang sama dan berbincang tentang rancangan TV kegemarannya, perlawanan Piala Dunia, tentang masakan malah tentang tugas akademik anda menerusi LISTSERV groups, biarpun anda tidak mengetahui siapa atau di mana mereka berada sekalipun.

Menggunakan Telnet pula, anda boleh memasuki komputer anda di rumah, pejabat ataupun makmal serta menggunakan tanpa

anda berada di situ - anda mungkin berada di sebuah makmal komputer lain di Eropah atau mana-mana jua (*dengan syarat komputer tersebut sedang dihidupkan!*). Jangan khawatir yang komputer anda akan dipecah masuk oleh pengguna yang tidak diingini kerana sistem keselamatan disediakan dan anda juga mungkin mempunyai sistem rahsia anda sendiri.

Anda akan merasai sendiri keindahan sebagai ahli masyarakat *cyberspace* sekiranya anda mula menggunakan Internet. Seluruh dunia ini akan berada pada monitor di hadapan anda dan anda boleh mengembara menerusinya. Jika anda sesat, mungkin ada orang akan membantu anda di sana nanti. Di alam ini, semua maklumat menjadi pantas dan masa akan jadi lebih berharga daripada emas.

Bagaimana ke sana? Dapatkan komputer dulu, sebarang komputer boleh digunakan, lagi canggih lagi baik. Seterusnya anda memerlukan talian telefon untuk berhubung dengan nod terdekat yang akan menjalinkan anda ke seluruh dunia. Sebuah alat dikenali sebagai Modem diperlukan sebagai peranti penyambung antara komputer dan telefon. Modem yang mempunyai kemampuan

pemprosesan bit per saat (bps) yang tinggi akan memberikan lebih kepuasan serta keuntungan pada anda. Namun harganya sudah tentu lebih mahal.

Apabila anda sudah mempunyai peralatan yang diperlukan, hubungi Mimos untuk melanggan JARING. Kadar bayaran yang dikenakan adalah amat murah berbanding di lain-lain negara dan jika anda seorang pelajar, anda beruntung kerana anda diberi potongan yang istimewa. Selain bayaran pendaftaran, anda dikenakan juga bayaran langganan tahunan serta bayaran komunikasi data antarabangsa. Anda juga perlu membayar caj panggilan telefon biasa ke nod yang berdekatan dan ini dijelaskan menerusi bil telefon anda.

Mimos akan membekalkan dengan perisian-perisian yang berkaitan dan bersesuaian dengan sistem komputer anda untuk membolehkan anda memulakan pengembaraan anda!

Tetapi, sebelum itu, saya syorkan anda supaya mendapatkan penjelasan yang secukupnya daripada mereka yang lebih mengetahui supaya anda tidak menghadapi

masalah serius ataupun tertipu dengan gimik penjual peralatan. Bacalah buku-buku yang berkaitan dengan Internet seperti *The Internet Yellow Pages*, Harley Hahn & Rick Stout (RM69.30). *The Internet Complete Reference*, Harley Hahn & Rick Stout (RM29.95) atau lain-lain buku yang ada di pasaran.

Akhir sekali, apabila anda sudah berminat untuk jadi masyarakat *cyberspace*, anda perlulah mengamalkan etika yang dikenali sebagai netiquete. Dalam etika ini kerana ia adalah satu undang-undang yang wajib diamalkan oleh masyarakat *cyberspace*. Anda akan berjumpa dengan orang-orang yang mudah panas baran akibat diganggu secara tidak sengaja oleh anda atau anda sendiri mungkin bertindak biadap terhadap pengguna lain tanpa anda menyedarinya.

Teknologi maklumat bergerak pantas, beranikan diri anda untuk bersamanya kerana jika anda terlewat sesaat, anda akan tertinggal jauh ke belakang. Masakan kita ingin ditinggalkan sedangkan kita sedang mengejar Wawasan 2020!!!

STORAN

Sesebuah komputer biasanya mempunyai sekurang-kurangnya satu pemacu cakera. Terdapat dua jenis pemacu cakera yang sering digunakan. Pemacu cakera ini adalah untuk cakera liut bersaiz 133mm (5 1/4 inci) dan 90mm (3 1/2 inci).

Cakera liut adalah satu jenis peranti storan yang digunakan untuk menyimpan data dan program yang digunakan oleh komputer. Cakera ini adalah ringan dan boleh dibawa ke mana-

mana dengan senang namun ia adalah satu bahan yang amat sensitif.

Cakera keras juga adalah satu peranti storan, ia mampu menyimpan beratus-ratus mega bait (MB) data berbanding 1.2MB untuk cakera 133mm dan 1.44MB untuk cakera 90mm. 1 MB bersamaan dengan satu juta bait. Satu bait boleh diertikan sebagai satu huruf, simbol atau ruang kosong yang mempunyai maksud tertentu kepada


komputer.

Cakera keras adalah kekal di dalam tempatnya bersama-sama dengan perkakasan-perkakasan lain di dalam komputer. Ia juga adalah satu bahan yang sensitif terutama kepada haba dan getaran. Oleh itu tindakan meletakkan pencetak bersama dengan bekas (casing) komputer anda akan m e m e n d e k k a n hayatnya.

Selain daripada cakera ini, cara lama yang masih digunakan termasuklah meng-

gunakan pita magnetik seperti pita kaset.

Kini cakera padat pula sedang menguasai pasaran. Satu kelebihan cakera ini ialah ia mampu memuatkan lebih 500MB data iaitu 2 kali ganda daripada cakera keras biasa dalam sekeping cakera. Ini membolehkan ia menyimpan fail-fail yang lebih besar seperti fail-fail grafik, muzik dan pangkalan data. Cakera padat membolehkan teknologi pelbagai media (multi media) dimajukan.



Cakera - tempat menyimpan segala data

KEGAGALAN TIDAK WUJUD ?

Oleh :

Sazali Abd Hamid
Juru Runding
IQRA' Training & Consultancy

Mira murung. Kesedihan mencengkam dirinya. Dadanya berombak. Dia terkenang ayah dan ibunya di kampung. Serasa temgiang di telinga bisik emak ketika menghantarnya di awal semester dulu.

"Mira... Engkaulah satu-satunya harapan kami. Belajartah rajin-rajin. Jadi contoh kepada adik-adik yang lain."

Oh Mak ! Kalaulah mak tahu !!!

Mira menekup mukanya dengan bantal. Sebentar kemudian, esak tangisnya kedengaran.

Oh Tuhan !

Kenapalah aku selalu gagal ? FZK merah, KM fail, MTK 0 !!!

Oh ! Apakah ini takdir ?

"Memang ! Kau memang seorang yang gagal ! Tengoklah... Siapa sudi jadi pakwe kau ? Siapa sudi nak tolong kau ketika kau kesusahan ? Kau tidak memiliki apa-apa !!! Kau gagal !!!" kedengaran suara-suara asing mengejek-ngejek.

"Benarkah ? Benarkah aku telah ditakdirkan gagal ? Aku benci ! Aku benci diriku !!! Benci !!!" Mira menjerit sekuat hatinya.

BIASAKAH peristiwa di atas anda alami atau amati terjadi dalam kehidupan seharian ? Mungkin bukan anda tetapi teman-teman anda - mungkin sanak saudara anda atau sesapa sahaja... Apa pandangan anda ? Benarkah Mira telah gagal ?

Jawapan anda pasti pelbagai. Umum akan bersetuju mengatakan Mira telah gagal. Ada juga pendapat yang mengatakan Mira belum berusaha sepenuhnya atau Tuhan belum mengizinkan.

Soalnya, apakah benar kegagalan wujud ?

MENGENAL KEGAGALAN

Bagaimana kita tahu kita telah gagal ? Dari kawan-kawan, pensyarah atau kesan tingkah laku kita misalnya kerja yang kita hasilkan memang teruk ? Contohnya, kalau masak maggie tu, boleh hangit !!! Result asyik merah manjang macam Mira !

Begitulah. Kita gagal kerana kita tidak berjaya mencapai apa yang kita inginkan. Kita kata kita gagal apabila kita tidak berjaya mencapai nilai-nilai yang kita atau orang lain tentukan. Katakanlah kita menetapkan matlamat kita hari ini adalah untuk makan tengahari bersama buah hati kita. Tetapi oleh sebab tertentu, buah hati kita tak dapat bersama. Lalu, rancangan kita gagal. Kita tidak berjaya makan tengahari bersama buah hati kita pada tengahari ini.

Apa kesannya terhadap perasaan anda ? Sakit hati ? Ada sampai nak cari buah hati baru ? Tak ada kan ? Kita boleh bincang semula dengan buah hati kita mencari masa yang lebih sesuai di masa akan datang. Lalu, adakah itu dikatakan kegagalan ? Ya, mungkin... kita

tidak berjaya makan bersamanya, kan ?

Bagaimana dengan kes berikut :-

Lazim asalnya anak kampung. Dia seorang yang kuat berusaha. Dia berjaya mendapat pangkat I dengan 9 agregat dalam SPM. Dalam usaha memenuhi impiannya untuk belajar di menara gading, dia telah bersusah payah mengisi dan menghantar borang berkaitan (UPU dan sebagainya) minggu pertama iklan UPU tertera di suratkhbar.

Malangnya dia tidak ditawarkan oleh mana-mana institusi pengajian tinggi. Sebaliknya dia mendapat tahu rakan sekelasnya yang mendapat pangkat 2 dan hantar borang jauh lebih lewat darinya ditawarkan. Hatinya sakit, dan dia amat kecewa sekali. Dia menuduh kerajaan cuai dan tidak adil.

Adakah Lazim gagal ? Dan jika Lazim gagal, adakah keagalannya sama dengan kegagalan tak dapat makan bersama buah hati di atas ?

AKIBAT KEGAGALAN

Akibat daripada tidak berjaya makan bersama buah hati, apakah perasaan kita ? Marah ? Gellisah ? Suka ? Bagaimana pula agaknya perasaan Lazim ? Apakah yang berlaku seterusnya ?

Akan berjayakah kita makan bersama buah hati kita lain kali ?

Akan berjayakah Lazim, mencapai cita-citanya ?

Umumnya, seseorang itu akan berasa tertekan, kecewa, marah, geram malah ada yang berdendam apabila mengetahui dirinya gagal. Kepelbagaian perasaan ini sangat bergantung kepada kegagalan yang mereka tanggung. Gagal bercinta dengan gagal jawab soalan pop kuiz tentunya tak sama.

Keburukan kegagalan sangat pelbagai dan amat bergantung kepada ketahanan individu. Oleh kerana individu unik, maka keburukan ini unik juga. Misalnya, lama dan teruk mana seseorang itu menanggung kecewa akibat gagal bercinta bertalinan dari satu individu ke individu lain. Ada yang 'frust menonggeng'. Ada yang tambah kuat merokok. Ada juga yang sampai bunuh diri...

Kebalkan kegagalan juga pelbagai. Namun, pada dasarnya ia memberi peluang individu itu mengetahui beberapa aspek dirinya yang selama ini tidak diketahuinya. Biasa juga individu yang gagal berjaya menjadi manusia yang berguna, dihormati, berpangkat dan berkuasa.

Pun begitu, adalah lebih mudah untuk kita menjumpai manusia yang hidupnya semakin teruk akibat daripada keagalannya.

Malah jika dikaji pun, berapa sangatlah manusia yang berjaya akibat keagalannya masa

lalu ?

MENGATASI KEGAGALAN

Oleh sebab kegagalan selalunya menyakitkan dan tidak menyenangkan, maka ia perlu diatasi agar kita boleh kembali sejahtera dan bahagia. Bagaimana kita boleh mengatasi kegagalan ?

Banyak kaedah mengatasi kegagalan dikenalpasti oleh pakar-pakar psikologi. Bagaimanapun, tulisan ini tidak berhajat melihat kesemuanya. Tulisan ini akan meninjau 2 alternatif mengatasi kegagalan iaitu :-

i. Memberi takrifan baru terhadap kegagalan
ii. Membuang 'kegagalan' dari kamus hidup

Memberi takrifan baru

Apakah gambaran yang ada di fikiran kita kalau kita mendengar atau terbaca perkataan 'goreng pisang' ? Apapula gambaran yang ada di fikiran kita kalau kita terjumpa atau terdengar perkataan 'kegagalan' ? Apapula perasaan yang mengiringinya ?

Gambaran kegagalan dalam fikiran biasanya adalah suasana yang murung, sedih, kecewa dan sebagainya yang mendatangkan perasaan yang sedemikian juga. Gambaran ini terbentuk melalui pengalaman, pembacaan dan pengamatan kita sehari-hari.

Bagaimana kalau kita gambarkan

kegagalan sebagai satu peluang mengenal diri ? Bagaimana pula kalau kita anggap kegagalan mewakili rahmat Tuhan yang antara lain, mahukan kita menjadi lebih baik - daripada orang-orang yang tidak pernah gagal kerana pengalaman adalah guru yang paling baik.

Cuba gambarkan di fikiran kegagalan adalah sesuatu yang indah. Bayangkan ombak yang berdebur membelai pantai. Bayangkan angin yang berdesir di celah pepohon nyior. Bayangkan anda sedang termenung di atas batu melihat kaki langit. Kemudian perlahan tanyakan kepada fikiran anda, apa yang telah berlaku ? Kekasih lari, duit 'loan' dah habis, bertengkar dengan roomate, fail tiga empat subjek dan sebagainya.

Tuliskan di atas kertas putih dengan jelas dan terang... Kemudian, sambil menikmati tiupan angin yang nyaman, tanyakan lagi kepada diri anda apakah yang ingin anda buat terhadap kejadian yang telah berlaku ? Biarkan ? Atau ingin mempelajari puncanya lantas memperbaiki diri supaya di masa akan datang kita lebih matang dan waspada ?

Contohnya katakanlah saya 'fail 2 subjek - MTK dan FZK.

Dah tentu saya kena 'carry paper'. Dah tentu saya tidak digolongkan ke dalam golongan pelajar yang pintar dan berjaya. Apa yang saya akan bincangkan dengan diri saya ialah :-

Hmm... aku fail dua subjek. Frustr jugak... (dada saya agak sebak mengenangkan harapan ayah dan ibu di kampung). So, apa akan aku buat

? Nak cover ke tak ? La, mana ada pilihan ? Dah tentu le carry. Bila nak ambik ? Semester ni ke semester depan ? Semester depanlah... ..

Hmm... ngape agaknya aku fail ? First test aku boleh tahan. Second test jatuh skit - lagipun ramai yang tak pass pun. Final - aku rasa aku dah buat setakat yang aku mampu.

Habisnya silap kat mana ? Aku tak faham ke tak study ? Agaknya cara aku menjawab soalan subjektif tu tak betul. Nantilah aku tanya pensyarah. Bila ? Minggu depan kot... ..

Hmm... macam mana aku nak pastikan aku tak gagal lagi ? Kena belajar awal kot. Boleh buat slow-slow. Aku reti ke belajar ni ? Dah baca - lupa balik. Camana nak buat ? Nanti sat, tak silap aku... fakulti ada buat Bengkel Teknik Belajar. Kena ikut ni.

Keputusan muhasabah atau perbincangan diri ini perlu dicatatkan - dalam diari misalnya untuk mengingatkan diri kita apakah keputusan yang kita ambil.


Kaedah ini melihat kegagalan sekadar sebagai satu bentuk peristiwa yang pasti dilalui dalam hidup seperti juga makan, minum, hidup dan mati. Dan, tidak ada gunanya berdukacita sehingga menjejaskan kesihatan dan pekerjaan. Bukankah lebih baik kita menyelesaikannya dengan segera dan bergembira ?

Hidup ini untuk menikmatiugerah Tuhan... 'kegagalan' sekadar ujian dan kita perlu menempuhinya dengan senyum dan gembira demi survival dan kebahagiaan kita.

MAHASISWA AKTIF

MEMANAH: MEMBENTUK KEMANTAPAN MENTAL

HAFIZ HABIBULLAH MOHAMED
KELAB AKHBAR MAHASISWA



Sasaran...Memanah perlukan perhatian total

Memanah dikategorikan dalam jenis permainan yang memerlukan suatu sasaran seperti bowling, golf dan dart. Ianya tidak memerlukan pihak lawan sekaligus tiada pertembungan dari segi fizikal yang boleh mencederakan kecederaan yang serius. Pihak lawan yang sebenarnya adalah diri si pemanah itu sendiri di mana penguasaan mental yang jitu serta tumpuan yang padu ke atas sasaran adalah sesuatu yang mesti ada di dalam kawalan si pemanah untuk memastikan setiap anak panah yang dilepaskan tepat mengenai sasaran.

Memandangkan sukan memanah ini membantu dalam pengasahan mental, pihak HEP dengan kerjasama beberapa orang pelajar telah menubuhkan semula Kelab Memanah UPM yang pernah ditubuhkan pada tahun 1976 tetapi terpaksa dibubarkan berikutan tiada peralatan dan sambutan daripada masyarakat kampus ketika itu.

Menurut Presiden Kelab Memanah UPM, Sdra. Ahmad Mazini

Ishak, "Sukan memanah memerlukan penumpuan mental yang seratus peratus terhadap sasaran, emosi yang stabil dan fizikal yang cergas supaya hasil yang diperolehi adalah seperti yang dikehendaki. Ketegangan fikiran juga dapat disalurkan melalui setiap anak panah yang dilepaskan," tambahnya lagi, "Dari segi fizikal sukan ini baik untuk menguatkan otot di bahagian atas badan kerana kekuatan bahu, bahagian belikat dan seluruh bahagian tangan banyak sekali diperlukan."

Secara umumnya komponen utama dalam memanah adalah busar dan anak panah. Komponen-komponen tambahan yang diperlukan adalah:

i) Stabilizer (Pengimbang): dipasang pada bahagian tengah busar untuk mengimbangkan kedudukan busar apabila anak panah dilepaskan.

ii) Finger tab: berfungsi untuk menghalang geseran antara tali busar dengan jari.

iii) Arm guard:

sebagai penghalang hentakan tali busar pada lengan.

iv) Stringer: digunakan untuk memasang tali kepada busar.

v) Quiver: bekas untuk menyimpan anak panah. Lazimnya dipakai di sisi pinggang pemanah.

vi) Target board: papan sasaran pemanah. Berbentuk bulat dan mempunyai bulatan-bulatan pemarkahan.

Memanah adalah sejenis sukan yang mudah dipelajari pada setiap peringkat umur, tanpa mengira jantina dan sesuai untuk semua bentuk fizikal. Sukan ini juga berfalsafahkan, 'perjalanan hidup kita memerlukan suatu matlamat dan untuk menyediakan diri kita ke arah matlamat itu seseorang itu harus mempunyai mental yang stabil, pengawalan emosi dan jasmani yang sihat'. Ahmad Mazini juga berharap agar sukan memanah ini berkembang kepada seluruh masyarakat kampus dan semoga pasukan memanah UPM setanding dengan pasukan memanah universiti-universiti lain.

Majlis Perwakilan Pelajar UPM (PMUPM) dan Kelab Forensik UPM dengan kerjasama Kolej-kolej Kediaman UPM dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah menganjurkan satu pertandingan debat antara kolej-kolej kediaman kali ketiga baru-baru ini.

Pertandingan ini disertai oleh pendebat-pendebat dari semua kolej kediaman UPM.

Menurut pengarah Debat Inter-Kolej, Mohd.

Nazri Noh aktiviti ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan berdebat kepada mahasiswa UPM di samping mencungkil kebolehan berdebat di kalangan mahasiswa dan berusaha membentuk mahasiswa yang progresif dan responsif.

Pada peringkat akhir peserta dari Kolej Kediaman Kelima bertindak sebagai pencadang bertemu peserta Kolej Kediaman

Keenam membahaskan tajuk "Rakyat perlu memainkan peranan yang lebih penting daripada kerajaan dalam perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar".

Kolej Kediaman Kelima yang diwakili oleh Mohd. Khidir Majid, Zurina Zaini, Abdullah Arshad dan Norelah Jali telah muncul sebagai johan menewaskan pendebat-pendebat Kolej Kediaman Keenam yang diwakili oleh Azman

Mat Isa, Zakaria Tahir, Fazel Selamat dan Mohd. Yusoff Dolah.

Pengetua Kolej Kediaman Kelima UPM, Prof. Madya Dr. Saberi Othman yang berucap di majlis penutupan berkata, aktiviti seperti ini banyak membantu melahirkan mahasiswa yang prihatin serta produktif dan menjadi pemimpin yang berwibawa menerajui negara.

KELANASISWA DI BUMI KENYALANG

Oleh:

Nor Hairulnizam Wahid
Kelab Akhbar Mahasiswa
Universiti Pertanian Malaysia



Bangga...selepas perasmian ekspedisi KLKM

'Kesedaran terhadap perpaduan bukanlah perkara baru bagi masyarakat negara ini.'

Sehubungan dengan itu, ahli-ahli Pertubuhan Pengakap Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia telah menjalankan aktiviti berbentuk ekspedisi sambil berkhidmat di Sarawak selama seminggu baru-baru ini.

Berfalsafahkan 'Berkhidmat Melalui Berpengakap', aktiviti yang disertai oleh 30 orang peserta ini cuba menyelami kehidupan masyarakat di Sarawak dari segi luaran mahupun pemikiran masyarakat Sarawak itu sendiri di samping berkhidmat kepada mereka selaras dengan Undang-undang dan Persediaan Pengakap.

Di dalam aktiviti ini, mereka berperanan sebagai 'duta UPM' di mana mereka memberi gambaran tentang UPM

kepada masyarakat malah berkesempatan berkongsi pengalaman dan pengetahuan dengan ahli pengakap, masyarakat dan suasana di Bumi Kenyalang.

Objektif lain yang cuba dicapai melalui ekspedisi ini ialah mewujudkan integrasi Timur-Barat Malaysia selaras dengan matlamat perpaduan negara serta menanam sifat kepimpinan,

kerjasama, tanggungjawab dan setiakawan di dalam menghadapi cabaran.

Pengarah ekspedisi ini, Dominic Nicholas Puji menyifatkan aktiviti ini telah berjaya memberi pelbagai pengalaman kepada para pesertanya.

"Mereka harus sedar, aktiviti ini bukan untuk berseronok semata-mata. Peluang sebegini harus digunakan untuk memperbaiki diri, ketahanan, kecekapan

dan menimba pelbagai pengalaman baru di samping menghadapi cabaran kehidupan sebenar," tambah beliau lagi.

"Aktiviti ini, jika dimanfaatkan dengan sepenuhnya akan melahirkan seorang individu dan mahasiswa yang seimbang dari segi intelek, rohani dan jasmaninya sesuai dengan Falsafah Pendidikan Negara," tegas beliau.

Beberapa aktiviti menarik yang telah dijalankan sepanjang ekspedisi ini ialah perjumpaan dengan masyarakat tempatan, aktiviti dengan pengakap di Sarawak dan juga lawatan sambil belajar ke kawasan pertanian.

Mereka juga berpeluang menyaksikan beberapa persembahan kebudayaan masyarakat Melanau dan bergaul dengan penduduk tempatan.

EKSPEDISI GUNUNG TAHAN

oleh
Zakaria Tahir
(Kelab Akhbar Mahasiswa)

Sekretariat Rekreasi Kolej Kediaman ketiga UPM telah mengadakan ekspedisi mendaki Gunung Tahan baru-baru ini dan julung kalinya melibatkan beberapa kolej

kediaman dalam usaha untuk merapatkan hubungan silaturahim antara pelajar-pelajar kolej kediaman.

Menurut pengarah ekspedisi, Tobri Ramlee, beliau berharap dengan

adanya penyertaan dari pelbagai kolej kediaman akan dapat membantu mengeratkan perhubungan silaturahim serta mengikis sifat tamak dan pentingkan diri sendiri.

"Selaras dengan falsafah ekspedisi ini iaitu 'We conquer not the mountain....but

ourselves', ekspedisi ini juga bertujuan untuk meningkatkan ketahanan dan keupayaan fizikal, mental, ketabahan diri, keazaman, tahap kepimpinan dan kebolehan menyelesaikan masalah dengan sifat terbuka dan rasional serta muzakarah", katanya lagi.

Menurutnya lagi, pendakian Gunung

Tahan dengan ketinggian 7174 di atas paras laut ini juga dapat memberi pengetahuan, menghargai dan menghayati aspek-aspek konservasi alam seterusnya melahirkan mahasiswa yang prihatin dan cinta kepada alam ciptaan Tuhan.

"Dengan bantuan pengalaman oleh jurupandu dan jurulatih adalah diharapkan

peserta dapat memanfaatkan pengalaman yang telah diperolehi ke arah memperbaiki kualiti hidup serta menanam sifat bersyukur di atas kejadian alam yang sememangnya unik di negara ini," katanya lagi.

Menurut Arduni Mastura Abu Bakar, salah seorang dari peserta, ekspedisi ini begitu berharga bagi dirinya dalam membina

daya ketahanan diri dan berbeza dari aktiviti lain yang pernah disertai kerana ia bukan sekadar teori tetapi praktikal, sebagai contoh dalam proses pendakian kerana kita mengalami sendiri susah payahnya. "Sesuatu kepuasan yang sukar digambarkan apabila tiba di puncak dan mencerminkan diri saya dalam menguasai mental," katanya lagi.